



**NEGERI PULAU PINANG**

# **PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KEDUA  
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI  
YANG KEEMPAT BELAS**

**12 OKTOBER 2020 (ISNIN)**

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PULAU PINANG**

# PENYATA RASMI

## MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KETIGA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

12 OKTOBER 2020 (ISNIN)

Kandungan	Muka Surat
Kehadiran Ahli Yang Berhormat	3 - 4
<b>PENGUMUMAN OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI</b>	5
<b>PENGUMUMAN OLEH YB. TIMBALAN KETUA MENTERI I</b>	6
<b>SOALAN-SOALAN LISAN</b>	
Soalan Lisan No. 1 – Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee)	7
Soalan Lisan No. 2 – Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik)	11
Soalan Lisan No. 3 – Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong)	16
Soalan Lisan No. 4 – Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	19
Soalan Lisan No. 5 – Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail)	23
Soalan Lisan No. 6 – Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye)	24
Soalan Lisan No. 7 – Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim)	26
Soalan Lisan No. 8 – Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah bin Ismail)	28
Soalan Lisan No. 9 – Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam)	29
<b>RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2021 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2021</b>	
Pembentangan oleh YAB. Ketua Menteri Pulau Pinang	34
<b>UCAPAN PENANGGUHAN OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI</b>	61
<b>DEWAN DITANGGUHKAN</b>	

# LAPORAN PERSIDANGAN

## MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 12 Oktober 2020 (ISNIN)  
Masa : 9.30 Pagi  
Tempat : Dewan Persidangan  
Dewan Sri Pinang,  
Jalan Tun Syed Sheh Barakbah  
**Pulau Pinang.**

BIL	NAMA	JAWATAN / AHLI KAWASAN
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
13.	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
14.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15.	YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak
16.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
17.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
18.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk

<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN / AHLI KAWASAN</b>
19.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lintang
20.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
21.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
22.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
23.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
24.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
25.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
26.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
27.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
28.	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
29.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
30.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
31.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
32.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
33.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
34.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
35.	YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
36.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
37.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga
38.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
39.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
40.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
41.	YB. Zolkifly Bin Md. Lazim	Telok Bahang

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A  
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
1	YB. Dato' Abdul Razak bin Jaafar	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Norazmi Bin Mohd Narawi	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Dato' Dr. Mohamad Farazi bin Johari	Pegawai Kewangan Negeri

**TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

***Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.***

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan Doa.

**Timbalan Setiausaha Dewan:**

“Bacaan Doa”

**Setiausaha Dewan:**

Pengumuman oleh Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera kepada rakan-rakan Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawanya bekas Ahli Dewan Undangan Negeri iaitu Allahyarham Dato’ Haji Samsudin @ Mohamed Noor bin Ahmad telah meninggal dunia pada 21 September 2020.

Allahyarham telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri untuk kawasan Tasek Gelugor dari 1974 hingga 1986. Oleh itu, para hadirin saya mohon untuk bertafakur selama satu minit. Para hadirin diminta berdiri.

***[Ahli-ahli Dewan dan jemputan berdiri untuk bertafakur selama satu minit]***

Para hadirin diminta duduk.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pertamanya Dewan ini memperingatkan semua bahawanya kita masih dalam Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), masih sedang menghadapi ancaman wabak COVID 19 maka semua SOP pengawalan dan pencegahan mesti dipatuhi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan hari ini, 12 Oktober 2020 sebagai hari pemulaan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri ke-14 melalui perisytiharan bertarikh 24 Ogos 2020 yang telah diwartakan pada 27 Ogos 2020. Pada sesi kali ini, kita akan mempertimbangkan 74 soalan lisan, 630 soalan bertulis, 3 Rang Undang-Undang dan 2 Usul.

Walau bagaimanapun, usul yang bersabit dengan perisytiharan kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dibawah Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang telah pun ditarik balik dan penjelasan mengenai sebab ianya ditarik balik akan diperjelaskan oleh pihak Kerajaan.

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

*Assalamualaikum WBT.* Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun mengusulkan satu usul pembentangan usul berhubung dengan perisytiharan kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di bawah Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang yang telah dijadualkan untuk pembentangan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Keempat Belas ini. Walau bagaimanapun, saya telah pun menarik balik usul tersebut dan memohon penangguhan berdasarkan kepada kekuatan pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa andaikata usul tersebut diluluskan, Pilihan Raya Kecil harus dilangsungkan untuk kawasan-kawasan yang berkenaan dalam tempoh 60 hari tatkala rakyat Malaysia masih bergelut dengan gelombang ketiga COVID-19. Kebimbangan ini adalah ekoran daripada peningkatan kes-kes COVID-19 yang mendadak di seluruh negara selepas berakhirnya pilihanraya di Negeri Sabah baru-baru ini. Jadi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, *Insyallah* akan membentangkan usul tersebut dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang seterusnya atau pada waktu yang lebih mengizinkan. Sekian.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Seterusnya, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kali ini sedikit perubahan tempat duduk untuk sebilangan kecil dalam Dewan telahpun diubah. Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Seberang Jaya, Sungai Aceh, Bertam dan Teluk Bahang telahpun dipindah ke bahagian blok pembangkang. Salam berhijrah. (***Ahli Dewan menepuk meja***).

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

**Setiausaha Dewan:**

Pembentangan Risalah-Risalah.

**YAB. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon membentangkan di atas meja Dewan Risalah Bilangan 4 hingga 13 Tahun 2020 seperti yang tersenarai dalam Susunan Urusan Mesyuarat. Terima kasih.

**Setiausaha Dewan:**

Soalan-soalan. Soalan bertulis.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dipersilakan Yang Berhormat Kebun Bunga. Minta maaf.

**YAB. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, jawapan kepada soalan-soalan bertulis telah diletakkan di atas meja Ahli yang bertanya. Selaras dengan Sub Peraturan 15 (1)(H), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Setiausaha Dewan:**

Soalan lisan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan Yang Berhormat, soalan yang pertama.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Kang Lee):**

Dato' Speaker, soalan saya nombor satu.

1. Adakah Kerajaan Negeri tetap akan menaikkan cukai taksiran untuk tahun 2021 walaupun ekonomi Pulau Pinang amat terkesan dengan pandemik COVID-19?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Dato' Speaker dan kepada rakan saya daripada Kebun Bunga. Sebelum saya jawab untuk sesi persidangan ini, ingin saya dapat sedikit pencerahan apabila saya jawab ataupun apabila mana-mana Yang Berhormat berucap, adakah boleh kita angkat pelitup muka keluar?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Boleh.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Boleh? Terima kasih. Terima kasih kepada rakan saya daripada Kebun Bunga yang tanya satu soalan yang begitu penting sekali memandangkan kita sedang memerangi pandemik COVID-19 sekarang. Dan soalan yang pertama yang ditanya adalah berkenaan "Apakah Kerajaan Negeri, kita akan naikkan cukai taksiran untuk tahun depan iaitu 2021 memandangkan betapa terkesannya kita akibat pandemik COVID-19 yang berlaku".

Ingin saya nyatakan Dato' Speaker, keutamaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di dalam peperangan kita terhadap COVID-19 yang pertama ialah untuk memastikan keselamatan awam dan keselamatan kesihatan. Itu memang tidak ada kompromi daripada

pihak kita. *Let us be very clear, our public security and our health security is number one in this battle against COVID-19* yang mana masih berleluasa kalau kita lihat kepada keadaan sedunia, sebelum saya datang balik ke Malaysia, sedunia begitu merunsingkan, Dato' Speaker.

Pagi ini kita lihat, kalau kita lihat kepada berita dunia, CNN melaporkan semalam satu hari sahaja di Amerika Syarikat, 40,000 lebih orang...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat, *straight to the point please.*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*I'm coming to.* 40,000 lebih orang telahpun dijangkiti dan pada hari ini ataupun semalam, kita ada beberapa ratus jangkitan di Malaysia yang mana kita lihat ada satu berita daripada DG Kesihatan sendiri yang menyatakan dalam satu dua hari nanti kita akan lihat satu *spike* sekali lagi di Malaysia dan oleh yang demikian kita prihatin. Yang pertama, keutamaan terhadap keselamatan kesihatan dan keselamatan awam tetapi yang kedua, Dato' Speaker, perlu kita bangkit dari segi ekonomi dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sememangnya prihatin. Kita telahpun ada dua pakej bantuan ekonomi, yang pertama bernilai hampir RM75 juta. Yang kedua, RM76 juta dan ada satu lagi pakej terkini. Tetapi yang penting untuk soalan daripada rakan saya daripada Kebun Bunga, kita juga lihat bahawa mungkin ataupun sememangnya akan terbeban rakyat Pulau Pinang dengan adanya cukai taksiran yang lebih tinggi akibat penilaian semula yang dibuat.

Ingin saya jelaskan Dato' Speaker, penilaian ini sememangnya bermula daripada tahun dahulu. *It is pre-COVID, the assessment exercise that we had conducted was pre-COVID* dan kebetulannya sebelum COVID di bulan Mac tahun ini, ia telahpun diputuskan. Untuk makluman semua, kita telahpun bincang di peringkat Kerajaan Negeri dan sememangnya kita lihat bahawasanya dengan adanya kenaikan itu yang kebetulannya, *the timing was that, I just want everyone to be very clear on this*, kita telah putus supaya kenaikan daripada cukai taksiran semasa dahulu seakibat *exercise* ini kita akan tangguhkan dan beri satu rebat yang kita sebut untuk tahun ini. Di mana rebat itu telahpun dilaksanakan di mana semua rakyat Pulau Pinang walaupun di bahagian Pulau ataupun di bahagian Seberang, tidak perlu bayar kenaikan tersebut tetapi bayar caj semasa sebelum kenaikan itu sahaja. Itu sahaja Dato' Speaker, terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.



**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Tambahan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Machang Bubuk.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Datok Keramat atas penjelasan itu tetapi kita sedia maklum cukai taksiran merupakan sumber utama bagi Pihak Berkuasa Tempatan atau Kerajaan Tempatan. Sekiranya cukai taksiran tidak ditingkatkan dan juga rebat akan diberikan, siapa yang akan menanggung operasi atau keperluan dana untuk Pihak Berkuasa Tempatan di dua-dua PBT di Negeri Pulau Pinang ini dan apakah Kerajaan Negeri akan memberi bantuan kewangan kepada PBT-PBT tersebut atas kekurangan sumber daripada cukai taksiran tersebut?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih kepada rakan saya daripada Machang Bubuk, *thank you very much*. Sememangnya saya hendak sebut tentang sedikit angka, Dato' Speaker, *very important, thank you for the question. For your information*, apabila YB. Machang Bubuk tanya soalan berapakah kehilangan pada kita akibat *exercise* ini. *For your information*, Dato' Speaker pada asalnya kenaikan taksiran seakibat *exercise* tersebut untuk MBPP adalah RM54.242 juta. *To be exact* RM54,242,989.00, *this was the figure* iaitu angka yang setelah kita buat *exercise* untuk penilaian semula, sepatutnya naik setahun kutipan kepada MBPP, RM54,242.989.00.

Untuk MBSP pula, setelah penilaian semula dibuat, kutipan yang sepatutnya kita ambil seakibat kenaikan itu adalah RM39.743 juta. *To be exact*, RM39,743,77.00. So kita, ini adalah yang pertama iaitu setelah kita buat *exercise*, penilaian semula akhir tahun sudah. Selesai *exercise* tersebut *supposedly* RM54.242 million on Island, RM39.743 million. Tetapi Dato' Speaker, di bawah Akta Kerajaan Tempatan, apabila *exercise* ini berlaku, kita juga ada satu keperluan di bawah Undang-Undang untuk memberi ruang kepada mereka yang hendak bantah iaitu kita ada satu pendengaran bantahan daripada mereka yang hendak bantah. Kita ada beribu-ribu daripada sini, daripada situ, Pulau dan juga Seberang. Tetapi setelah proses itu selesai, maka kita ambil kira apa rungutan mereka dan sebagainya dan *I want to tell everyone here*, antara lain apabila saya minta untuk tahu apakah kategori rungutan ataupun bantahan tersebut, *one of the main one, we cannot run away from was* COVID-19 dan betapa terjejas mereka akibat COVID-19, dari segi, dari sudut ekonomi. *So we can't run away, in fact that was number one* dari segi tangga dia, *number one was that. And what*

*happen was, after considering, I want to say Dato' Speaker, the RM54.242 million, we have reduced it, now we will only be collecting RM19.527 million. RM19,527,051.21 di MBPP seakibat pendengaran bantahan keprihatian kita terhadap rakyat Pulau Pinang yang terjejas COVID-19 di bahagian Pulau.*

Di bahagian Seberang pula daripada RM39,743,077 itu juga pun diturun. Sekarang kita di bahagian Seberang bakal kutip peningkatan RM27,811,854.20 sahaja. *So we have reduced, we have reduced, both sides. Like I said, RM54.2 million to RM19.5 million, RM39.7 to RM27.8 million.* Jadi inilah apa yang berlaku. *I think your question YB. Machang Bubuk, yes.* Akibat pengurangan itu sememangnya usaha kita untuk laksanakan projek kerja-kerja kita akan terbeban juga. Kita ada beban yang banyak di atas bahu kita akibat proses ini tapi yang penting, keselamatan awam, keselamatan kesihatan dan kita nak bangkit daripada segi ekonomi. Ini Kerajaan Pulau Pinang yang prihatin, tak apa walaupun kita rugi daripada segi kutipan hasil yang sepatutnya dibuat dari segi undang-undang, kita masih akan teruskan operasi kita. Dan kita telahpun ada banyak perbincangan di peringkat Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan bagaimana kita nak *scale down*, kita lihat kepada *core business* dahulu. Itu yang penting. Mungkin yang lain, kita *delay* dulu. *We looked at our core business, we proceed with that, that is important. We had discussion, very good question for Machang Bubuk. In fact, just last week me and my Chief Minister, we have sat down with both my Mayors and we have discussed how to assist. Yes, you asked one question yang penting.* Apakah kalau perlu, Pihak Berkuasa Negeri akan bantu Pihak Berkuasa Tempatan dari segi menyalurkan dana kepada mereka. Kita tak buat keputusan lagi tetapi kalau perlu kita akan buat sedemikian kerana kita tak boleh terhenti apakah perlu tanggungjawab kita sebagai kerajaan walaupun berkuasa negeri ataupun Kerajaan Tempatan. *Very important, we will continue and I think coming back to your actual question...(gangguan).*

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudahkah?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*No. I don't think I actually answer...(gangguan).*

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila ringkaskan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*There was one question that was asked in this question. We know untuk tahun ini kita telah adakan rebat. Soalan dia untuk adillah, saya nak jawab, teringat mungkin Kebun Bunga*

akan tanya tetapi tidak, tapi saya tanya sendiri. Soalan dia sama ada tahun depan akan ada rebat atau tidak? Tahun ini sudah ada, soalan ini sememangnya sedang dibincang di dalam peringkat Kerajaan Negeri, Dato' Speaker. Keputusan belum dibuat, kita akan lihat kepada impak COVID-19 yang berterusan ini dan keputusan akan dibuat mengikut keadaan dan dengan ambil faktor yang terpenting iaitu kita hendak ringankan beban kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Sekian, terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Seterusnya, Bukit Tambun. Sila.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):**

Soalan saya soalan nombor dua.

2. Huraikan jadual pelaksanaan projek *Penang South Reclamation* (PSR), Bayan Lepas *Light Rail Transit* (BLLRT) dan *Pan Island Link 1* (PIL 1).
  - (a) Apakah kelulusan Kerajaan Persekutuan yang masih diperlukan?
  - (b) Jelaskan status penubuhan bon untuk pembiayaan projek dan mekanisme penjualan tanah PSR.
  - (c) Apakah kelebihan Pelan Induk cadangan *Bjarke Ingels Group* (BIG) terpilih?

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Tambun atas soalan mengenai projek-projek di bawah PTMP Kerajaan Negeri. Bagi makluman Yang Berhormat, jadual pelaksanaan bagi projek-projek *Penang South Reclamation*, Bayan Lepas *Light Rail Transit* dan juga *Pan Island Link 1* adalah seperti berikut. Untuk *Penang South Reclamation* (PSR), projek ini telah dibentangkan kepada Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) pada 18 April 2019 dan MPFN telahpun memberi 18 nasihat bagi pelaksanaan projek ini. Selain itu, projek ini juga telah mendapat kelulusan EIA ataupun *Environmental Impact Assessment* pada 25 Jun 2019 dengan 72 syarat. PSR juga telah memperoleh surat kelulusan Laporan SIA ataupun *Social Impact Assessment* daripada PLAN@Malaysia pada 27 Ogos 2019. Dalam erti kata lain, kesemua kelulusan yang wajib telahpun diperolehi dan secara keseluruhannya Projek PSR telah mendapat semua kelulusan di mana saya sebut dan lanjutan daripada kelulusan EIA tersebut, salah satu syarat adalah untuk menyediakan EMP ataupun *Environmental Management Plan*, Laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar dan laporan ini sebenarnya akan memberi syarat-syarat kepada kontraktor yang dilantik supaya mematuhi syarat-syarat dalam kelulusan EIA semasa kerja-kerja penambakan dilaksanakan.

Langkah-langkah Kawalan Alam Sekitar dan Program Pengawasan Alam Sekitar di dalam EMP ini adalah wajib untuk dipatuhi sepenuhnya oleh kontraktor yang dilantik kelak. Pada masa ini laporan EMP pindaan 1 telah pun dikemukakan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang pada 17 Julai 2020 dan sedang menunggu kelulusan. Kerajaan Negeri bersama dengan rakan pelaksana *Project Delivery Partner* ataupun PDP juga sedang memperhalusi langkah-langkah mitigasi bagi meminimakan impak sosial dan alam sekitar sebelum projek bermula secara fizikal. Kerajaan Negeri juga dalam fasa menyediakan rekabentuk dan penyediaan dokumen-dokumen tender.

Selain itu, Kerajaan negeri juga telah mengambil inisiatif menganjurkan *Master Design Competition (MDC)* di mana syarikat-syarikat tempatan dan juga antarabangsa yang berminat dalam penyediaan reka bentuk telahpun dipelawa untuk mengambil bahagian. Lima syarikat telah dipilih ke pusingan akhir bagi pertandingan tersebut dan pemenang yang berjaya iaitu Bjarke Ingels Group (BIG) telah diumumkan pada 19 Ogos 2020. Pihak BIG ini sedang dalam proses untuk memulakan penyediaan rekabentuk terperinci. Bagi Bayan Lepas *Light Rail Transit* fasa 1 telah pun mendapat kelulusan laporan EIA pada 21 Februari 2020 dengan 63 syarat. Manakala laporan *Heritage Impact Assessment (HIA)* telahpun diluluskan oleh Jabatan Warisan Negara pada 28 Ogos 2020. Manakala SIA, *Social Impact Assessment* telah pun diluluskan pada 19 Jun 2020. Sebenarnya yang cuma belum dapat kelulusan adalah kelulusan akhir, *final approval* bagi skim *rail* yang sebenarnya kita telah mendapat kelulusan bersyarat pada 18 Julai dan kini Kerajaan Negeri sedang menyusuli kelulusan syarat tersebut supaya kita boleh mendapat kelulusan yang akhir, *final approval*.

Bagi *Project Pan Island Link (PIL 1)*, kelulusan EIA telahpun diperolehi pada 10 April 2019 dengan 56 syarat dan manakala kelulusan *TIA, Traffic Impact Assessment* telahpun didapati pada 24 Ogos 2018 oleh pihak JKR dan juga MBPP. Pihak PDP iaitu *SRS Consortium* kini dalam proses penambahbaikan struktur model kewangan bagi pembiayaan pelaksanaan projek PTMP melalui hasil penjualan tanah tambakan projek PSR. Jadual pelaksanaan bagi projek-projek PTMP ini, kita akan tetapkan selepas struktur modal kewangan ataupun *financial architecture* dimuktamadkan oleh pihak PDP bersama dengan Kerajaan Negeri.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat mengenai bon, terbitan bon, mantan Perdana Menteri iaitu YAB. Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1 Oktober 2019, telah mengemukakan surat persetujuan kepada Kerajaan Negeri untuk cadangan penerbitan bon dengan jaminan Kerajaan Persekutuan. Sejak daripada itu Kerajaan Negeri sedang menyusuli tindakan untuk menerbitkan bon tersebut bersama dengan Kerajaan Persekutuan tapi pihak kerajaan masih lagi menunggu maklum balas berhubung perkara ini. Setakat ini masih belum ada apa-apa kata putus malah cadangan pinjaman daripada pihak *Asian Development Bank (ADB)* untuk membiayai projek LRT telahpun dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan kini.

Namun begitu, Kerajaan Negeri masih lagi mengharapkan satu persefahaman boleh dicapai bersama dengan pihak Kerajaan Persekutuan supaya kita boleh susuli perkara ini dan membina projek LRT ini bagi menyelesaikan masalah kesesakan di Negeri Pulau Pinang ini.

Akhir sekali soalan Yang Berhormat mengenai reka bentuk oleh pihak BIG. Reka bentuk yang telah dipilih sebagai reka bentuk yang paling sesuai untuk PSR telah dipilih oleh panel juri induk, *master jury panel* yang dianggotai oleh pakar-pakar bidang perancangan bandar, arkitek, rekabentuk, ekonomi, kejuruteraan marin dan hidrolik, pakar ekologi, pakar kelestarian, pakar pelaburan dan juga perdagangan dari Malaysia dan juga luar negara. *Master jury panel* ini telah menilai rekabentuk lima peserta akhir pertandingan MDC dan berdasarkan tujuh kriteria iaitu kecemerlangan reka bentuk dan perancangan, inovasi tata ruang ataupun *spatial innovation* maklum balas pada konteks dan cita-cita Pulau Pinang, penyelesaian inovatif dan kepakaran teknikal fasa dan pelaksanaan yang strategik, kelestarian alam sekitar, ekonomi dan juga sosial serta kebolehlaksanaan dari segi ekonomi, kewangan dan juga perniagaan.

Cadangan BIG yang bernama Biodiversity Penang didapati mempunyai kelebihan dan berpotensi untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai bandaraya yang mempunyai konsep pembangunan yang rancak sebagai pemangkin ekonomi dalam dan luar negeri. Dalam rekabentuknya BIG telah mengemukakan konsep persekitaran yang berdaya tahan, *environmentally resilient* dan juga menekankan kelestarian dari segi infrastruktur sosial dan kepelbagaian ekologi manfaat untuk komuniti nelayan, kesejahteraan awam dan memupuk bakat keunikan identiti budaya komuniti di Pulau Pinang. Selain itu, nama pengasas BIG ini sebagai sebuah syarikat arkitek yang terkemuka pihak Kerajaan Negeri juga yakin akan menambah nilai dan membawa prestij kepada nama PSR dan juga dapat menarik minat para pelabur.

Kerajaan Negeri sedang dalam bekerjasama dengan pihak BIG untuk memuktamadkan Pelan Induk Pembangunan PSR. Reka bentuk akhir meliputi nilai warisan dan inovasi yang akan mempamerkan ciri-ciri keunikan Pulau Pinang serta mewujudkan satu bandar yang baru dengan komuniti, ekonomi dan ekologi yang lestari. Terima kasih Yang Berhormat.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):**

Soalan tambahan. Proses tambakan laut untuk Pulau Pertama akan mengambil masa lebih kurang lima (5) hingga lapan (8) tahun. Adakah isu aliran tunai atau (dengan izin),....*cash*

*flow* dapat ditangani tanpa ketentuan dari segi bon dan juga pembatalan pinjaman daripada pihak kerajaan persekutuan.

Soalan kedua, apakah status bantahan nelayan dan mekanisme pampasan yang telah dipersetujui antara Kerajaan Negeri dan juga pihak nelayan? Terima kasih Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima kasih Dato' Speaker dan juga Yang Berhormat Bukit Tambun. Berkenaan dengan soalan yang pertama iaitu isu *cash flow*, aliran tunai. Sebenarnya dari segi model pembiayaan bagi projek PTMP masih lagi sama iaitu berdasarkan kepada penambakan *Penang South Reclamation*. Namun begitu, kalau kita mahu untuk mempercepatkan proses ataupun projek ini supaya projek LRT umpamanya dapat dilaksanakan dalam masa yang lebih dekat dalam masa yang lebih singkat maka satu *financial architecture* diperlukan dan pihak PDP sebenarnya adalah sedang dalam proses penambahbaikan struktur model kewangan ataupun *financial architecture* ini bagi pembiayaan pelaksanaan projek PTMP.

Jadual pelaksanaan bagi projek-projek PTMP ini seperti saya sebut tadi kita akan tetapkan selepas kita muktamadkan *financial architecture* tersebut. Masalahnya sepertimana Yang Berhormat semua sedia maklum, dengan tahun ini kita di landa dengan wabak COVID-19 dan masalah ekonomi yang ekoran daripada pandemik tersebut maka *financial architecture* perlu juga mengambil kira perkara-perkara tersebut dan pergolakan ekonomi yang berlaku selain daripada isu-isu lain. Jadi selepas kita muktamadkan *financial architecture* dapatlah kita memberi satu *timeline* yang jelas mengenai pelaksanaan.

Untuk soalan mengenai nelayan. Sepertimana Yang Berhormat semua sedia maklum, pandangan dan maklumbalas nelayan seperti mana juga pandangan dan maklumbalas daripada semua pihak-pihak berkepentingan semestinya diambil serius oleh Kerajaan Negeri malah sepertimana semua sedia maklum, pameran laporan EIA dan sesi *engagement* ataupun libat urus telahpun dilakukan dengan teliti. Mungkin boleh dikatakan dengan yang paling teliti antara semua projek yang pernah berlaku di negara kita.

Kerajaan Negeri mengenai isu nelayan, mungkin Yang Berhormat Pinang Tunggal lebih arif kerana beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Task Force Nelayan bagi merangka dan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dapat mendatangkan manfaat kepada komuniti nelayan agar mereka juga boleh turut maju dan menikmati pembangunan yang di bawa oleh projek PSR ini.

Jawatankuasa Task Force Nelayan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pinang Tunggal sedang memperhalusi inisiatif langkah-langkah mitigasi dan juga mekanisme pelaksanaan *Social Impact Management Plan*, Pelan Pengurusan Impak Sosial dan di bawah

SIMP ini *Social Impact Management Plan* Kerajaan Negeri sedang memuktamadkan pakej untuk nelayan seperti berikut:

- A. Pakej bantuan hidup ataupun bayaran ex-gratia dan juga elaun bulanan;
- B. Pakej pemerksaan yakni jeti nelayan baharu, koperasi nelayan, skim tuisyen dan pendidikan untuk anak-anak, skim latihan untuk nelayan dan anak-anak serta peluang pekerjaan bagi mereka yang berkeleyakan; dan juga
- C. Keutamaan bagi pendaftaran rumah mampu milik bagi membantu nelayan-nelayan yang belum memiliki rumah sendiri. Kerajaan negeri melalui jabatan dan agensi berkaitan sedang mengumpul maklumat terperinci bagi merangka pakej-pakej ini yang boleh memenuhi keperluan dan kehendak nelayan dengan sebaik mungkin. Terima Yang Berhormat.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Azrul Mahathir Bin Aziz):**

Satu soalan Dato' Speaker.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Azrul Mahathir Bin Aziz):**

Terima kasih Dato' Speaker. Mengenai PTMP pulau tambakan Pulau B dan Pulau C berada dalam kawasan Teluk Kumbar namun bila melihat perancangan PTMP laluan LRT atau MRT tidak melibatkan laluan ke Teluk Kumbar dan juga tiada hubungan ke Gertak Sanggul hingga ke Balik Pulau. Jadi adakah Yang Berhormat setuju agar cadangan supaya laluan ini laluan ke Teluk Kumbar ini di masukkan sekali dalam *Project Transport Master Plan* ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan Negeri mengambil maklum. Sebenarnya bila jajaran *Rail Scheme* dirangkakan semasa itu diambil kira populasi di kawasan-kawasan, semua kawasan-kawasan yang terlibat. Jadi mungkin pada masa itu untuk fasa pertama LRT adalah keputusan telah diambil belum lagi melibatkan kawasan-kawasan Teluk Kumbar.

Namun apabila kerajaan negeri setelah siap fasa pertama masuk kepada fasa kedua maka sudah tentu kita akan mengambil kira pembangunan yang berlaku di kawasan tersebut. Maka sekiranya ada keperluan untuk mengambil kira dan untuk melanjutkan skim LRT

kepada kawasan-kawasan Teluk Kumbar ataupun mana-mana kawasan lain maka semua itu akan diambilkira dan tambahan pada itu kita ada projek PIL 2 yang terus akan menghubungkan pulau-pulau yang baru kepada kawasan Teluk Kumbar juga. Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Silakan Batu Lancang.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Dato' Speaker soalan saya nombor 3.

3. Apakah perkembangan cadangan pembinaan gimnasium di setiap KADUN bagi menggalakkan rakyat bersenam dan bersukan?

(a) Berapa gimnasium telah dibina di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2000 dan agensi mana yang menyelenggarakan gimnasium tersebut?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Dato' Speaker, saya jawab soalan 3. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bermula melaksanakan cadangan ini pada tahun 2019. Pusat gimnasium rakyat pertama yang telah diwujudkan dan dijadikan kegunaan penduduk setempat adalah di Pantai Robina KADUN Teluk Air Tawar dengan menggunakan Dewan MPKK untuk mewujudkan dewan gimnasium ini.

Pada tahun 2020, MMK Belia dan Sukan juga bekerjasama dengan ADUN Penanti untuk mewujudkan Pusat Gimnasium Rakyat di Dewan Taman Gua Perahu iaitu Dewan MPKK. Usaha ini masih diteruskan dengan kerjasama ADUN kawasan untuk mencadangkan Dewan MPKK atau Dewan Rakyat yang sesuai untuk ditukar guna sebagai pusat gimnasium rakyat di setiap KADUN.

Terdapat lapan (8) buah gimnasium di Negeri Pulau Pinang, di bawah seliaan agensi negeri, Jabatan Persekutuan dan juga pihak swasta. Dan yang pertama Majlis Sukan Negeri Batu Uban, iaitu di pejabat MSN yang agensi penyelenggaraan ialah Majlis Sukan Negeri, Pusat Kegiatan Sukan Air Tanjong Bunga juga diselenggara oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang. Taman Bandaraya Youth Park diselenggara oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Balai Rakyat Pasar Awam Balik Pulau agensi penyelenggara ialah Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Kompleks Sukan dan rekreasi MBSP Bertam di Kepala Batas, agensi penyelenggara ialah itu Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Di Padang Awam Jawi, agensi penyelenggara ialah Pejabat Daerah SPS, Kompleks Belia dan Sukan Batu Uban agensi penyelenggara ialah Jabatan Belia dan Sukan, Kompleks Rakan Muda Jawi agensi penyelenggara ialah Jabatan Belia dan Sukan.



**YB. Yang di-Pertua Dewan undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Ong Ah Teong):**

Soalan Tambahan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Ong Ah Teong):**

Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi pembangunan kompleks dan kemudahan sukan selain menunjukkan pusat gimnasium rakyat di setiap KADUN? dan soalan kedua saya, berapakah peruntukan telah digunakan bagi tujuan projek pembangunan kemudahan sukan sejak pada tahun 2015 hingga sekarang?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Minta izin Dato' Speaker, saya jawab soalan tambahan daripada Batu Lanchang. Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan *Penang Institute* untuk menyediakan index Sukan Negeri Pulau Pinang (*Penang Sport Index*)...(dengan izin) Dato' Speaker. Bagi menubuh dan menganalisis data-data dan mengikut keperluan dan kegemaran aktiviti sukan, semua golongan lapisan masyarakat. Dengan adanya index Sukan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri akan menyediakan satu *Penang Sport Master Plan*, di bawah *Penang Sport Master Plan* ini ia akan merangkumi pembangunan atlet, pembangunan kemudahan sukan dan juga pembangunan sukan masa ataupun pembangunan sukan komuniti.

Untuk pembangunan atlet, iaitu salah satu tugas di bawah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang yang di bawah program pembangunan sukan iaitu *Sport For All*, Sukan Untuk Semua. Kita akan menjalankan klinik-klinik yang pelbagai jenis sukan. Untuk kemudahan sukan, satu perancangan pembangunan yang sempurna akan disediakan berdasarkan keperluan rakyat dan pembangunan sukan ianya akan di bahagikan kepada pembangunan jangka pendek, pembangunan jangka sederhana dan juga pembangunan jangka panjang mengikut keperluan dan lokasi tertentu.

Bagi pembangunan jangka pendek, adalah dicadangkan untuk menaiktarafkan kemudahan-kemudahan sukan yang sedia ada seperti gelanggang futsal, gelanggang badminton, gelanggang bola keranjang dan lain-lain ataupun kompleks sukan yang sedia ada di setiap KADUN setiap kawasan dan setiap daerah.

Bagi pembangunan sukan jangka sederhana, ia termasuk pelaksanaan projek-projek yang sedang atau rancangan oleh agensi kerajaan seperti Projek Nibong Tebal Arena, Projek Taman Sukan dan Rekreasi di Pokok Sena, Projek RFP Ampang Jajar dan juga projek CSR daripada syarikat-syarikat korporat seperti *Multi Sport Arena* yang akan di bina berdekatan dengan Queensbay Mall.

Selain itu, berdasarkan hasil index sukan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menyediakan fasiliti sukan yang masih kekurangan dan diingini oleh rakyat di Negeri Pulau Pinang di setiap kawasan. Untuk jangka panjang, buat masa ini Kerajaan Negeri akan tertumpu dengan cadangan pembangunan *Sport City* di Batu Kawan di mana cadangan-cadangan komponen sukan ataupun fasiliti sukan seperti Pusat Akuatik kerana di daerah SPS masih tak ada Pusat Akuatik dan juga stadium hoki dan sebagainya, ini akan di rancang untuk jangka panjang.

Untuk menjawab soalan yang kedua, daripada Batu Lancang. MMK Belia dan Sukan ataupun Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM3.9 juta untuk pelaksanaan Projek Pembangunan Sukan sejak tahun 2015. Majlis Sukan Negeri (MSN), melalui peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri melalui BPEN dan Projek-Projek Pembangunan Negeri telah melaksanakan kerja-kerja penaiktarafan seperti Projek Penaiktarafan Menaiktaraf Peralatan Sukan Gim di Latihan Gimnastik MSN Pulau Pinang pada tahun 2015, RM1.1 juta. Menaik taraf tandas lelaki dan tandas perempuan Pusat Latihan Tinju MSN sebanyak RM70,000. Jumlahnya RM1.18 juta kesemua pada tahun 2015...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat, jawab yang ditanya sudah.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Okey.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kalau tak ada, saya minta soalan yang lain. Sila habiskan, ringkaskan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Untuk pembangunan sukan pada tahun 2016, RM900 ribu. Untuk tahun 2017, RM24,000 dan untuk tahun 2018 RM400 ribu, dan juga tahun 2019 RM980 ribu dan tahun 2020 RM446 ribu.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat Machang Bubuk.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker, soalan saya nombor 4.

4. Nyatakan kronologi perkhidmatan feri Pulau Pinang yang tergendala akibat daripada feri yang rosak termasuk perubahan dari segi pengurusan feri:
  - (a) Terangkan peranan Kerajaan Negeri dalam pengurusan perkhidmatan feri.
  - (b) Apakah rancangan dan usaha masa depan bagi mempertingkatkan perkhidmatan feri yang merupakan salah satu mode pengangkutan yang penting bagi warga Pulau Pinang?"

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima kasih Dato' Speaker dan juga Yang Berhormat Machang Bubuk. Yang bertanya mengenai perkhidmatan feri di Negeri Pulau Pinang, bagi maklumat Yang Berhormat dan juga Dewan Yang Mulia ini, kejadian perkhidmatan feri yang tergendala selama 1 hari pada 24 Ogos 2020, adalah disebabkan oleh kerosakan yang berlaku pada 2 buah feri iaitu Pulau Undan dan juga Pulau Angsa.

Pihak *Rapid Ferry* telahpun melaksanakan kerja-kerja pembaikan pada enjin dan juga sistem penapisan bagi kedua-dua buah feri, sepanjang malam 23 Ogos. Namun kerosakan feri gagal untuk diatasi, dan pihak *Rapid Ferry* terpaksa untuk menggantikan perkhidmatan feri dengan perkhidmatan bas *Rapid Penang*. Sebanyak enam (6) buah bas, *shuttle* feri telahpun disediakan pada 24 hingga 28 Ogos 2020.

Pada 25 Ogos, feri Pulau Angsa telah berjaya untuk diperbaiki dan kembali beroperasi seperti sediakala. Manakala feri Pulau Undan, mula beroperasi pada 29 Ogos. Di samping itu, sebagai langkah persediaan bagi kejadian kerosakan feri, pihak *Rapid Ferry* kini sedang menjalankan kerja-kerja pembaikan sebuah lagi feri iaitu Pulau Talang-Talang, yang di jangka siap mungkin pada akhir bulan ini atau bulan hadapan. Buat masa ini, pihak *Rapid Ferry* akan meneruskan operasi perkhidmatan feri seperti biasa sehingga 31 Disember 2020.

Bagi maklumat Yang Berhormat, yang bertanya mengenai peranan Kerajaan Negeri, perkhidmatan feri adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan juga memainkan peranan dalam usaha untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam, termasuk juga perkhidmatan feri.

Di samping menjadi ikon pelancongan negeri, perkhidmatan feri juga adalah satu mod pengangkutan yang bersejarah dan penting kepada Negeri Pulau Pinang. Justeru Kerajaan Negeri akan sentiasa bersama dengan pihak *Rapid Ferry* ataupun siapa-siapa yang menjadi

pengendali perkhidmatan feri tersebut, untuk memastikan perkhidmatan feri dapat beroperasi dengan baik.

Sekiranya Kementerian Pengangkutan Malaysia, memutuskan untuk melantik operator yang baharu kelak, Kerajaan Negeri akan terus memberikan kerjasama kepada operator yang baharu.

Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telahpun mengadakan sesi perbincangan bersama dengan pihak MOT, Kementerian Pengangkutan pada 27 Ogos dan telah memohon supaya pihak MOT menangguhkan hasrat untuk menghentikan perkhidmatan feri selama tiga (3) bulan mulai 1 September 2020.

Kerajaan Negeri juga telah memohon pihak MOT untuk mengemukakan Pelan Perancangan Keseluruhan kerja-kerja naik taraf serta pengoperasian feri yang baharu, yang dapat memenuhi keperluan rakyat Negeri Pulau Pinang. Dan berdasarkan pada sesi perbincangan tersebut, pihak MOT memaklumkan akan mengemukakan laporan penuh pelan perancangan keseluruhan kerja-kerja menaik taraf serta pengoperasian feri baharu yang merangkumi jenis feri, dan juga kerja-kerja pengubahsuaian terminal.

Walau bagaimanapun, sehingga kini pihak MOT masih belum mengemukakan laporan tersebut kepada Kerajaan Negeri. Justeru, melalui Mesyuarat Lembaga Suruhanjaya Pulau Pinang, Lembaga Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (*Penang Port Commission*) yang bersidang pada 14 September, pihak Kerajaan Negeri difahamkan Lembaga telah memutuskan untuk menubuhkan satu jawatan kuasa kerja bagi memantau operasi perkhidmatan feri. Terima kasih Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Soalan tambahan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih Tanjong Bunga atas jawapan yang diberikan. Saya cuma ada beberapa soalan tambahan dimana kita sedia maklum perkhidmatan feri itu memang adalah satu mod pengangkutan yang bersejarah dan juga penting. Dan juga ia juga dapat mengurangkan *carbon emission* yang sekarang banyak diperbincangkan dalam usaha mitigasi *climate change*, so adakah Kerajaan Negeri mampu untuk mengambil alih perkhidmatan feri sekiranya pengangkutan itu begitu penting.

Dan apakah implikasi kewangan ya, sekiranya perkhidmatan feri dapat dipertingkatkan. Bolehkah terowong laut itu boleh dibatalkan kerana kita boleh menggunakan feri untuk membawa kenderaan dan juga *passenger-passenger* untuk menghubungkan dua-dua tempat ini. So, boleh Tanjong Bunga bagi penerangan.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima kasih Dato' Speaker dan juga Yang Berhormat Machang Bubuk. Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat mengenai sama ada Kerajaan Negeri berupaya untuk mengambil alih. Sebenarnya Yang Berhormat, Kerajaan Negeri pada tahun 2016 pernah berhasrat untuk mengambil alih perkhidmatan feri Pulau Pinang. Dan pada ketika itu, beberapa siri perbincangan telahpun diadakan dengan pihak MOT.

Namun begitu, setelah meneliti dari segi operasi dan bebanan kewangan, Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk tidak meneruskan hasrat mengambil alih perkhidmatan feri tersebut. Untuk maklumat Yang Berhormat, kos operasi dan penyenggaraan sebuah feri adalah kira-kira RM700 hingga RM800 ribu sebulan, dan kos ini adalah tidak termasuk kos lesen, *docking*, terminal dan lain-lain kos yang berkaitan yang menelan belanja kira-kira RM2 juta setahun.

Sekiranya Kerajaan Negeri berhasrat mengambil alih perkhidmatan feri, implikasi kewangan ini adalah besar, dan perlu kita ambil kira supaya tidak membebankan Kerajaan Negeri seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, perkhidmatan feri sebenarnya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan sekiranya Kerajaan Negeri ingin untuk mengambil alih perlu kita adakan perbincangan sekali lagilah dari segi sama ada perkhidmatan feri dapat menggantikan terowong ataupun Link ke 3, saya rasa sebenarnya Link ke 3 ini adalah perancangan jangka masa panjang bagi Negeri Pulau Pinang yang mengambil kira penggunaan di Seberang Perai Utara juga dan saya rasa perkhidmatan feri adalah *supplementary*, penambahan kepada mod-mod pengangkutan yang lain dan masih lagi diperlukan satu Link ke 3 tetapi adalah satu projek yang jangka masa panjang yang bukan akan dilakukan dan dimulakan pembinaan esok hari tetapi mungkin dalam masa depan, terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Yang Berhormat Bagan Dalam.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua. Terima kasih kepada YB. Tanjong Bunga yang telahpun memberikan jawapan kepada soalan asal tadi. Soalan saya adalah isu berkenaan dengan feri ini dibincangkan dari 50 tahun yang lepas. Perkhidmatan feri yang tidak

efisien, saya tengok handsard parlimen tahun 1970, Ahli Parlimen Datok Keramat pada masa itu sudah mula menimbulkan. Dan 50 tahun *fast forward*, kita masih lagi mempunyai masalah yang sama perkhidmatan feri yang tidak efisien dan kita mendengar ura-ura bahawa perkhidmatan feri yang akan dikekalkan ini akan digantikan dengan feri yang hanya akan membawa penumpang dan tidak akan lagi membawa kenderaan.

Adakah kenyataan ini benar dan kalau ini benar, ini akan memberikan satu impak yang besar kepada penduduk di kawasan Seberang Perai Utara. Khususnya di kawasan saya sendiri Butterworth, di mana lebih kurang ribuan pengguna feri akan terkesan dan kita tidak cukup tempat letak kereta di bahagian Seberang ataupun di Pulau untuk mereka menggunakan feri, sebagai *park and ride*.

Apakah pendirian Kerajaan Negeri dalam perkara ini dan adakah penambahan feri seperti Katamaran juga sedang dipertimbangkan dan kita mahu feri yang mengangkut kenderaan ini diteruskan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di *first bridge* juga seperti juga *concern* daripada rakan saya daripada Machang Bubuk, ini adalah *compliment* yang mengurangkan kesesakan lalu lintas sekarang dan juga masa depan, terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Bagan Dalam. Sebenarnya dari segi perancangan feri tersebut secara rasminya Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat yang terperinci. Namun begitu, dalam perbincangan yang telah diadakan oleh pihak Menteri Pengangkutan bersama-sama Ketua Menteri Pulau Pinang adalah difahamkan bahawa ada perancangan untuk memberi pengendalian atau pengoperasian feri kepada pihak daripada pihak Rapid Ferry kepada Penang Port Sdn. Bhd (PPSB). Namun begitu, Kerajaan Negeri masih belum mendapat pembentangan secara rasmi serta mengenai perancangan masa depan.

Maksudnya kalau PPSB ingin mengambil alih apakah perancangan mereka, adakah mereka akan menggantikan feri sedia ada dengan Katamaran atau berapa biji feri yang baharu akan mereka membeli dan sebagainya, itu semua adalah maklumat terperinci yang belum kita dapati daripada pihak PPSB atau pun Penang Port. Semua ini kita akan bincang dengan pihak mereka, Kerajaan Negeri telahpun minta supaya satu pembentangan dibuat kepada EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya Kerajaan Negeri lebih maklumlah mengenai perkara ini, terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Pantai Jerejak.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail):**

*Assalamualaikum*, Selamat pagi YB. Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 5 saya kemukakan dan saya mohon jawapan.

5. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mempunyai tapak tanah yang dalam saiz kecil, akibat penularan wabak COVID-19 adakah PDC bercadang memberi kemudahan kepada pihak-pihak berkepentingan untuk menjalankan aktiviti perniagaan dalam tapak ini?

(a) Senaraikan tapak tanah yang ada di sekitar Bayan Baru.

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pantai Jerejak atas soalan berhubung dengan tanah-tanah saiz kecil milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang atau PDC. PDC mempunyai tanah bersaiz kecil berkeluasan kurang daripada 1 ekar yang dikenali sebagai tanah reja. Akan tetapi PDC dalam proses membuat penyediaan tender bagi penjualan tanah-tanah berkenaan dan tiada sebarang cadangan bagi sebarang aktiviti perniagaan dijalankan di atas tapak berkenaan. Senarai tanah reja PDC adalah seperti berikut:

Ada tiga plot:

<b>Plot</b>	<b>Keluasan size(ekar)</b>
Tapak di Lintang Macallum 1 (Bersebelahan Blok 362)	0.44
Tapak di Lintang Macallum 1 (Bersebelahan Blok 352)	0.078
Tapak di Lintang Macallum 1 (Bersebelahan Blok 354)	0.112

Manakala bagi tanah di sekitar Bayan Baru cuma ada dua iaitu di Lengkok Mahsuri Lot PT 6609 saiz adalah 0.83 ekar dan satu lagi di sebelah Shell Bayan Baru Lot 7596 saiz 0.56 ekar, terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail):**

Terima kasih Yang Amat Berhormat atas jawapan tadi, sekurang-kurangnya sekarang ini saya dapat maklumat tentang adanya lot reja di kawasan Bayan Baru. Apa latar belakang soalan saya, antara aduan yang paling banyak sampai ke Pusat Khidmat saya, untuk makluman Yang Amat Berhormat ialah untuk meneruskan kehidupan. Mereka melihat langkah yang paling mudah adalah memulakan perniagaan ketika kita buat pakej Rancangan Rakyat Pulau Pinang, kita dukung tiga (3) tujuan.

Yang pertama, kita nak bagi bantuan segera, yang kedua kita nak upayakan rakyat supaya mereka berdiri semula dan ketiga adalah jaminan kelangsungan perniagaan. Kita ada lot tanah reja disebut oleh Yang Amat Berhormat sedang dalam proses tender maknanya belum dimuktamadkan. Apakah boleh kita berikan kelonggaran disana sementara proses itu berjalan, kita jadikan itu sebagai lot sementara sekurang-kurangnya ikhtiar jangka pendek kita boleh membantu penduduk setempat bagi memulakan urusan perniagaan. Mereka tidak mampu untuk sewa *mall*, mereka tak mampu untuk dapatkan gerai PBT prosesnya panjang, tanah depan kita boleh tak kelonggaran diberi sementara PDC sudah ada perancangan untuk jual, terima kasih.

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat Pantai Jerejak. Cadangan Yang Berhormat akan diberi pertimbangan bagi lot-lot reja di Lintang Macallum 1, tanah-tanah ini sebenarnya adalah berkaitan dengan kegunaan RIBI iaitu Rumah Ibadat Bukan Islam.

Manakala bagi Bayan Baru pihak PDC akan menimbang cadangan Yang Berhormat dan di samping itu, menyedari peluang-peluang perniagaan kepada golongan penjaja dan peniaga kecil, PDC baru menawarkan satu tender kepada sebuah syarikat untuk menyediakan tapak penjaja di Free Trade Zone Bayan Lepas dan pihak syarikat akan memulakan pembinaan semula tapak penjaja di FIZ dan tambahan pula dua (2) tapak lagi digunakan untuk pusat penjaja bagi menampung peluang perniagaan di *Bayan Lepas Free Trade Zone* dan juga untuk memenuhi keperluan tempat-tempat makanan bagi pekerja-pekerja di kilang-kilang zon perdagangan bebas Bayan Baru, terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin persilakan Yang Berhormat Jawi.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 6.

6. Projek tambun tanah sedang dijalankan oleh Penang Development Corporation (PDC) di Byram.
  - (a) Sila nyatakan jumlah keluasan tanah yang akan ditambun.
  - (b) Berapa lamakah projek tersebut akan dijalankan?
  - (c) Apakah jenis perindustrian yang akan dizonkan di kawasan ini?



**YAB. Ketua Menteri:**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Jawi berhubung projek tambun tanah yang dijalankan oleh PDC di kawasan Byram, Seberang Perai Selatan. Pada masa ini, PDC sedang menjalankan projek tambun tanah di Byram yang dipecahkan kepada 7 Fasa. Jumlah keluasan tanah yang akan ditambun belum dimuktamadkan lagi kerana terlibat dengan pelbagai proses pengambilan tanah.

Pada peringkat ini, hanya tambun tanah Fasa 1 dilaksanakan iaitu melibatkan keluasan 145 ekar. Fasa 1 ini telah dimulakan pada 15 Jun 2020 dan tempoh pelaksanaan adalah selama 18 bulan. Pada peringkat ini, jenis industri yang dikenal pasti untuk ditempatkan di Byram adalah dari kategori *promoted industry* dan industri am. Ini bagi menampung permintaan dari pelabur tempatan dan pelabur asing, sekian.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Soalan tambahan. Terima kasih Yang Amat Berhormat Ketua Menteri atas jawapan tersebut dan soalan tambahan saya berkaitan seperti dimaklum oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Projek penambakan tanah melibatkan 7 Fasa dan pada masa kini adakah PDC merancang untuk membina jambatan berjalan yang melintasi Sungai Tengah dalam masa projek penambakan tanah yang sedang dijalankan.

Soalan seterusnya yang kedua, adakah PDC merancang untuk membina kilang-kilang seperti *medium size* untuk menyewa kepada pengusaha-pengusaha kilang yang kurang berkemampuan untuk membeli terus seperti bagi dari jenis industri perabot? Terima kasih.

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat kawasan Jawi. Berhubung dengan soalan tambahan pertama semestinya sebuah jambatan amat diperlukan untuk menyambung Batu Kawan Industrial Park kepada Zon Industri Baru di Byram dan sebenarnya Fasa 1 tambun tanah melibatkan tambun tanah di atas jajaran jalan yang akan sambung daripada Batu Kawan melintasi Sungai Tengah ke Ladang Byram, kalau tambah jambatan ini maka Byram tidak akan jadi satu zon industri yang dapat menarik perhatian dan kedua, seperti mana saya jawab tadi tanah-tanah di Byram adalah untuk kategori industri yang dipromosikan oleh Invest Penang dan PDC dan juga melibatkan industri am.

Seperti mana kita lihat di Batu Kawan memang ada kemudahan seperti SME Village yang dapat menampung keperluan daripada Industri-Industri Kecil Dan Sederhana. Jadi semestinya sebahagian daripada tanah-tanah yang diberi nama Batu Kawan Industrial Park Fasa 2 di Byram ini akan juga melibatkan tapak-tapak dan kemudahan-kemudahan untuk perusahaan kecil dan sederhana.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat Padang Kota. Saya teruskan dengan mempersilakan Yang Berhormat Sungai Pinang.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 7.

7. Apakah peranan dan skop kerja Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Sosial yang dijenamakan semula dan berkuatkuasa pada 15 September 2020?
  - (a) Apakah impaknya terhadap pembangunan wanita dan keluarga selepas penjenamaan semula?

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Pinang. YB. Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab soalan nombor 7 dan soalan nombor 14 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Berapit yang lebih kurang sama kandungannya.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Boleh.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih. Kerajaan Negeri telah melaksanakan penyusunan dan penjenamaan semula portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan selaras dengan keperluan semasa untuk memulihkan serta meningkatkan ekonomi pasca COVID-19 dan Visi Negeri Pulau Pinang di bawah Penang2030.

Portfolio Pembangunan Sosial melibatkan skop kerja pembangunan masyarakat di Negeri Pulau Pinang. Portfolio ini berperanan untuk merancang dan melaksanakan dasar serta program-program bagi pembangunan masyarakat di negeri Pulau Pinang. Portfolio bagi Pembangunan Sosial akan melibatkan pembangunan masyarakat secara keseluruhan yang mana wanita dan keluarga merupakan sebahagian serta unit asas dalam masyarakat.

Portfolio baharu ini dibangunkan selaras dengan Visi Penang2030 dimana Kerajaan Negeri memberikan keutamaan kepada pembangunan dan kejayaan Negeri Pulau Pinang kepada pembangunan institusi keluarga yang menjadi asas kepada pembangunan dan kejayaan negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri akan masih meneruskan momentum Pembangunan Wanita dan Keluarga yang dicetuskan sebelum ini sebagai sebahagian daripada skop kerja portfolio Pembangunan Sosial. Kerajaan Negeri tidak akan meminggirkan mana-mana pihak daripada arus pembangunan negeri dan penjenamaan portfolio baharu ini masih meneruskan agenda pembangunan wanita dan keluarga serta Keterangkuman Gender akan terus menjadi suatu norma dan prinsip asas dalam proses membuat keputusan di Negeri Pulau Pinang.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Saya ada satu soalan tambahan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Boleh.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Soalan saya adalah adakah program-program pemeraksanaan wanita dan keluarga seperti Sidang Wanita Jana Rezeki dan program pementoran akan diteruskan dimasa hadapan dan sila huraikan apakah strategi yang akan diambil untuk memastikan kejayaan program-program tersebut. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih YB. Ahli Kawasan Sungai Pinang. Semua program ini akan diteruskan, sebelum ini kita pun sudah menetapkan pelantikan MPKK akan memastikan ada 30% wanita di dalam MPKK. Kita pun sudah mewujudkan JPWK di mana di setiap kawasan di setiap KADUN ada satu pasukan JPWK yang semuanya adalah wanita 15 orang dan seterusnya kita pun telah ada dasar keterangkuman gender.

Baru-baru ini kita adakan dasar keluarga selamat dan semua ini akan diwujudkan akan diteruskan dan program Wanita Jana Rezeki akan diperkembangkan dan juga Sidang Wanita baru tahun ini diadakan dan akan dilaksanakan pada 20hb selepas sidang ini dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada sokongan YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan ini melalui satu jelajah *road show* dimana kita pergi ke semua keseluruhan negeri ini 5 sesi di 5 *district* kita memilih dari sejumlah lebih kurang 400 orang wanita untuk

*shortlist* kepada 100 dan 100 ini diberi latihan 2 workshop 2 hari dan dari situ kita *shortlist* kan 50 dan 50 ini akan adakan Sidang Wanita yang pertama di dalam Negeri Pulau Pinang ini dan saya percaya juga di dalam negara ini.

Jadi semua ini akan diteruskan saya jamin pembangunan keluarga dan pembangunan wanita akan diteruskan dalam pembangunan sosial ini. *Thank you.*

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Soalan 8 saya persilakan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail):**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, soalan saya nombor 8.

8. Kepadatan penduduk di Balik Pulau semakin meningkat terutamanya DUN Pulau Betong dan Telok Bahang, keperluan untuk berurusan dengan Jabatan Kerajaan semakin ketara. Maka Balik Pulau memerlukan suatu mini Pusat Transformasi Bandar (UTC).

(a) Bilakah ianya boleh diadakan?

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, terima kasih kepada YB. Ahli Kawasan Pulau Betong yang telah mengemukakan soalan berhubung dengan pusat transformasi bandar untuk makluman dewan yang mulia ini Kerajaan Persekutuan ada menubuhkan *One Stop Center* yang dinamakan Urban Transformation Center (UTC) dan Rural Transformation Center (RTC). UTC di Pulau Pinang beroperasi di KOMTAR yang dibuka setiap hari kecuali cuti umum bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 9.00 malam bagi hari Isnin ke Jumaat, manakala jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang bagi Sabtu dan Ahad.

Penubuhan UTC atau RTC perlu mengambilkira permintaan dan keperluan penduduk setempat agar perkhidmatan yang ditawarkan dapat dinikmati sebaiknya. UTC dan RTC diterajui oleh Kementerian Kewangan dan hasrat Kementerian Kewangan adalah untuk menubuhkan UTC negeri di setiap ibu negeri di Malaysia.

Sekiranya terdapat keperluan serta peruntukan yang membenarkan Kementerian Kewangan akan mengujudkan UTC bandar di bandar-bandar utama yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Bagi tahun 2020 Kementerian Kewangan baru sahaja menubuhkan UTC Pulau Pinang di KOMTAR yang mula beroperasi pada bulan Ogos baru-baru ini. Berdasarkan makluman daripada Kementerian Kewangan belum ada cadangan di bawah RMK bagi pengujudan mini UTC yang baru di Negeri Pulau Pinang. Sekian, terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Saya ingin mempersilakan YB. Ahli Kawasan Batu Uban.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, soalan saya nombor 9.

9. Bagaimana Kerajaan Negeri memberi penekanan kepada pembangunan Industri Asas Tani menembusi pasaran luar?
- (a) Apakah jenis bantuan dan sokongan yang disediakan untuk membantu mereka yang terlibat dalam industri Agromakanan?
  - (b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan pembiayaan kewangan dan tanah khusus kepada anak muda yang berminat dalam pertanian moden dan perternakan?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila YB. Ahli Kawasan Penanti, sila bangun dan sila jawab.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri memberi penekanan kepada pembangunan Industri Asas Tani untuk menembusi pasaran luar dengan cara melaksanakan program-program bagi meningkatkan daya saing produk industri asas tani.

Bagi tahun 2020 sebanyak RM500,000.00 telah diperuntukan bagi pembangunan projek Industri Asas Tani (IAT) dengan melaksanakan program-program seperti berikut :

Pertama, Program Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan RM200,000.00 kepada 25 usahawan

Kedua, Program Pembangunan Aktiviti Jualan Terus dengan peruntukan RM300,000.00, sasaran kepada 20 tetapi bilangan sasaran usahawan yang menerima faedah ialah 140 orang. So dengan jumlah RM500,000.00 kepada sasaran 20 program, 20 program kepada 165 usahawan pada tahun ini.

Selain meningkatkan daya saing produk Industri Asas Tani tempatan bagi pasaran tempatan mahupun pasaran luar negara, pembangunan IAT di negeri ini juga memfokuskan pembangunan modal insan dimana usahawan tempatan diberi pendedahan, kemahiran dan pengetahuan berkenaan pengendalian bahan makanan diikuti dengan pembangunan kualiti dan representasi produk supaya mencapai piawaian dan memenuhi kehendak pasaran.

Untuk membantu meningkatkan kapasiti pengeluaran, pihak Jabatan Pertanian Negeri juga menyediakan bantuan dan insentif seperti mesin dan peralatan pemprosesan makanan kepada usahawan yang layak. Usahawan IAT juga turut dibantu dengan cara membawa mereka menyertai program-program promosi sama ada di dalam atau di luar Pulau Pinang.

Perincian bantuan dan sokongan yang disediakan oleh Jabatan Pertanian Negeri kepada usahawan Industri Agromakanan dan Industri Asas Tani adalah terletak di Lampiran A. So, dalam lampiran A ini ada macam 17 senarai dan saya rasa senarai ini boleh dibaca oleh ADUN yang bertanya.

Soalan kedua, Pihak Jabatan Pertanian tidak menawarkan tanah secara khusus kepada belia yang berminat untuk menjalankan projek pertanian tetapi walau bagaimanapun pihak jabatan menyediakan plot tapak untuk disewa kepada peserta yang berminat. Belia yang berminat adalah perlu melalui proses temuduga bagi mendapatkan plot dan tapak yang disediakan oleh pihak Jabatan Pertanian Negeri seperti di Permatang Pauh Agro Park di Penanti, Batu Kawan Agro Park dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda. Plot ataupun tapak projek yang ditawarkan adalah milik agensi seperti CMI dan juga agensi luar di bawah kerajaan dan Jabatan Pertanian bekerjasama dengan Jabatan-jabatan lain.

Bagi belia yang berhasrat menjalankan projek pertanian juga boleh memohon pembiayaan menerusi Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang. Kemudahan pinjaman adalah berjumlah RM6,000.00 kepada belia berumur 40 tahun dan ke bawah. Bagi usahawan tani yang berumur melebihi usia 40 tahun kemudahan pinjaman yang ditawarkan adalah berjumlah RM5,000.00 dengan tempoh bayaran balik pinjaman ialah selama dua (2) tahun tanpa sebarang bayaran faedah. Bagi mereka yang memerlukan pinjaman kali kedua pinjaman mikro kredit ini boleh dimohon sehingga RM10,000.00 dengan kadar faedah 6% setahun dengan tempoh pinjaman selama dua (2) tahun.

Selain itu, belia juga boleh memohon Geran Agroprenuer Muda (GAM) dari pihak kerajaan persekutuan yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian Negeri. Geran ini diberi dalam bentuk barangan (nilai maksima sehingga RM20,000.00 per individu) dan ianya tidak perlu dibayar balik.

Selain itu, pemohon Geran Agroprenuer Muda (GAM) boleh dipertimbangkan pakej pembiayaan dengan kadar keuntungan sebanyak 2% setahun. Bagi pembesaran projek pertanian yang telah beroperasi sekurang-kurangnya satu (1) tahun dengan had maksimum pembiayaan RM50,000.00 hingga RM200,000.00 daripada pihak Agrobank atau sehingga RM50,000.00 daripada pihak Tabung Ekonomi Usahawan Negara (TEKUN) Nasional bagi setiap projek.

Seterusnya pemohon Geran Agroprenuer Muda (GAM) juga akan menerima khidmat nasihat teknikal dan latihan secara intensif yang bersesuaian melalui program-program yang akan dilaksanakan. Objektif pelaksanaan ketiga-tiga projek ini adalah bagi memastikan produk industri asas tani tempatan mampu bersaing di pasaran. Usahawan industri asas tani turut dibantu melalui program-program promosi dan di luar Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, program promosi yang melibatkan perhimpunan awam dilaksanakan melalui kaedah yang lebih sesuai dengan pematuhan SOP kesihatan dan keselamatan yang ditetapkan industri agro makanan terdiri daripada tanaman makanan dan produk hasilan makanan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan?

**Ahli Kawasan Penanti (YB Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Okey. Bantuan dari sokongan yang disediakan kepada usahawan tanaman dan industri asas tani. Nombor satu. Perkhidmatan khidmat pengembangan tekno pertanian, program pembangunan kelompok tani, program pembangunan petani pelapis, pengukuhan khidmat dan pengembangan dan komisi pembangunan, program perkhidmatan kejenteraan petani atau pun usahawan diberi latihan dan peralatan dan pelaksanaan program...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tadi Yang Berhormat ada sebut lampiran ini yang merangkumi tujuh belas ini akan dihantar ke meja dan boleh diringkaskan. Maklumat yang di lampiran seperti yang disebut.

**Ahli Kawasan Penanti (YB Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Okey. Ya betul ada tujuh belas tapi saya nak tambah lagi satu yang telah dicadangkan kepada Kerajaan Negeri ialah projek menggunakan teknologi *retort* yang telah dimulakan pada tahun lepas di mana mesin *retort* yang kecil dibolehkan digunakan oleh usahawan industri asas tani untuk menjual pemasaran makanan tanpa menggunakan peti sejuk dan tanpa menggunakan pengawet. Maksudnya masakan-masakan yang dimasak boleh digunakan, boleh menggunakan teknologi *retort* di mana sterilisasi dilakukan pada makanan di tahap suhu 121 *degrees celcius* dan makanan itu boleh tahan selama dua (2) tahun dan makanan itu boleh dihantar secara kurier dan untuk *business online* yang akan membantu usahawan-usahawan kecil. Kos untuk peralatan *retort* ini adalah mampu milik, *Insyallah*.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Jawab yang ditanya sudah.

**Ahli Kawasan Penanti (YB Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Ya itu jawapan dia untuk membantu industri usahawan industri asas tani untuk menembusi pasaran luar dengan menggunakan teknologi-teknologi baru seperti *retort technology*. Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Penanti. Satu soalan saja saya ingat. Yang soalan pokok daripada Batu Uban.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):**

Terima kasih Dato' Speaker dan terima kasih YB Penanti atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya, seperti yang sedia maklum bahawa industri ini juga menerima implikasi akibat daripada pandemik COVID-19 ini maka saya ingin tahu apakah usaha ataupun program yang dijalankan oleh YB. Penanti untuk membantu mereka yang terkesan daripada akibat COVID-19 ini? Terima kasih. .

**Ahli Kawasan Penanti (YB Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Semasa COVID, kita telah mempunyai bantuan COVID sebanyak tujuh puluh sembilan juta dan sebahagian daripada peruntukan itu disalurkan kepada petani-petani dan juga kepada usahawan-usahawan. Kerajaan Negeri semasa COVID memperuntukkan di bawah EXCO Usahawan sebanyak RM30 juta mikro kredit tanpa faedah yang telah disalurkan hanya tinggal sejuta lebih saja. Ini adalah peruntukan bantuan semasa COVID dan juga untuk petani-petani terutama dalam bidang sayur-sayuran juga Kerajaan Negeri telah memberi bantuan dari segi *in terms of* apa ni RM400 ringgit kepada mereka tapi dari segi baja organik yang disalurkan melalui Jabatan Pertanian dan juga untuk tahun hadapan yang *planning* yang juga tahun apa ni baru baru ini saya juga telah meluluskan lima belas permohonan semasa COVID.

Permohonan untuk usahawan menggunakan tabung usahawan muda dan saya telah menukar cara pembiayaan supaya usahawan –usahawan dapat dapat apa ni bantuan kewangan tu dengan lebih segera. Maknanya permohonan dibuat kepada jabatan oleh usahawan jabatan-jabatan Veterinar, Jabatan Pertanian dan juga Perikanan dan tidak perlu lagi menunggu kelulusan di peringkat maknanya menunggu kelulusan di peringkat negeri. Maknanya pihak jabatan boleh membuat keputusan boleh membuat saringan dan siasatan dan terus akan dihantar kepada PDC untuk di *centralize* proses pengagihan peruntukan dengan lebih segera kepada usahawan-usahawan di bawah Tabung Usahawan Tani ini. Terima kasih.



**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat Penanti. Ahli Yang Berhormat, satu jam tiga puluh minit untuk soalan lisan telahpun tamat selaras dengan Sub Peraturan 26(7) Peraturan-Peraturan Majlis Mensyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Sila Yang Amat Berhormat.

**YAB. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua. Jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletak di atas meja ahli yang bertanya dan dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

**Setiausaha Dewan:**

Rang Undang-Undang Pembekalan Tahun 2021 dan usul Anggaran Pembangunan Tahun 2021.

Rang Undang-Undang Pembekalan tahun 2021.

**YAB. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama satu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2021 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan bagi kali yang pertama.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sokongan.

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Setiausaha Dewan:**

Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun 2021 Dan Bagi Memperuntukkan Jumlah Wang Itu Untuk Perhidmatan Bagi Tahun Itu.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Rang Undang-Undang telah dibacakan untuk kali yang pertama.

**YAB. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, Mengikut Peraturan 59 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-Undang ini diteruskan dengan serta merta.

**Setiausaha Dewan:**

Rang Undang-Undang pembekalan tahun 2021. Bacaan yang kali kedua.

**YAB. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun 2021 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan bagi kali yang kedua.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**YAB. Ketua Menteri:**

Dato' Yang di-Pertua serta ahli-ahli Yang Berhormat, saya memanjatkan rasa penuh kesyukuran kerana berpeluang untuk membentangkan kepada Dewan yang mulia ini Belanjawan Negeri Pulau Pinang tahun 2021. Pada 17 April 2020 yang lalu, Dewan ini hanya bersidang sehari sahaja. Selama hampir dua (2) jam bagi mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa pada masa tersebut.

Belanjawan 2021 merupakan belanjawan ketiga saya sejak menerajui tampuk pemerintahan negeri sebagai Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang yang kelima. Pembentangan kali ini merupakan titik penting dan mencabar dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang selepas dunia dilanda musibah COVID-19. Susulan itu kita perlu melangkah ke suatu dimensi berlandaskan norma-norma baharu. Oleh yang demikian, Belanjawan 2021 akan memberi tumpuan untuk membantu rakyat dalam mendepani cabaran getir ekonomi.

**PRESTASI DAN KEDUDUKAN EKONOMI MALAYSIA**

Secara kebetulan Dato' Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 mula menyerang ketika persekitaran ekonomi global telahpun mengalami sedikit kelembapan. Pada awal Januari 2020 pertumbuhan ekonomi di hampir semua negara semakin perlahan berikutan ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat dan Negara China. Pada awal Mac 2020, apabila pandemik global ini semakin memuncak. Harga minyak antarabangsa turut

mengalami penurunan mengakibatkan tekanan fiskal tambahan terhadap negara- negara pengeluar minyak.

Pada peringkat awal kesan krisis mula dirasakan oleh sektor elektrik dan elektronik yang berkait rapat dengan pasaran Negara China. Di samping itu, sektor pelancongan dan peruncitan turut terjejas berikutan penurunan mendadak bilangan pelancong. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global pada tahun 2020 pada kadar negatif 3 peratus yakni kadar paling rendah pernah dicatatkan sejak Zaman Kemelesetan Besar atau *The Great Depression* sekitar dekad 1930-an. Kesan ini semakin meningkat mengakibatkan gangguan kepada pasaran kewangan dan mata wang di seluruh dunia termasuk Malaysia.

Usaha-usaha untuk melindungi rakyat dan membatasi kerencatan ekonomi giat dilaksanakan di seluruh dunia. Di Malaysia, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berlanjutan selama hampir dua (2) bulan telah mengakibatkan ramai mengalami kemerosotan pendapatan malah ada yang kehilangan perkerjaan sekaligus merencatkan pertumbuhan ekonomi.

Walau bagaimana pun dari perspektif yang positif, langkah drastik pelaksanaan PKP dan PKPB telah mencapai matlamat apabila jumlah jangkitan menurun secara konsisten. Selain itu, PKP dan PKPB telah meloncatkan penggunaan *e-commerce* dan penerimaan yang meluas terhadap pelaksanaan konsep berkerja dari rumah oleh majikan.

Perkembangan tersebut turut mengakibatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang pada awalnya diramalkan positif telah dinilai semula *World Bank* pada Jun 2020 meramalkan ekonomi Malaysia akan menguncup sebanyak 3.1 peratus manakala IMF pula menjangkakan kemerosotan pertumbuhan pada kadar 3.8 peratus. Kadar tersebut adalah lebih tinggi berbanding ramalan awal iaitu negatif 1.7 peratus. Namun begitu, ramalan-ramalan tersebut bergantung kepada tempoh penularan wabak, selain keberkesanan polisi yang dilaksanakan pada separuh kedua tahun 2020 untuk merangsang semula ekonomi negara.

Gelombang kedua penularan wabak COVID 19, sedikit sebanyak menyukarkan usaha merangsang pertumbuhan ekonomi. Pada 6 Oktober 2020, sebanyak 691 kes dicatatkan iaitu angka tertinggi yang pernah direkodkan. Dalam menghadapi situasi ketidakpastian ini, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM155.5 juta menerusi pelaksanaan pakej Bantuan Khas "Penang Lawan COVID-19" walaupun tidak dibajetkan semasa penyediaan Belanjawan Tahun 2020.

## **PRESTASI DAN KEDUDUKAN EKONOMI PULAU PINANG**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pada tahun 2019 Negeri Pulau Pinang kekal sebagai antara enam (6) negeri penyumbang utama ekonomi nasional selain Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sarawak, Johor dan Sabah. Keenam-enam negeri ini, telah menyumbang sebanyak 72.3% kepada KDNK Malaysia. Walau bagaimanapun, konflik perdagangan antarabangsa mengakibatkan ekonomi Pulau Pinang turut terjejas apabila merekodkan nilai ditambah hanya RM94.7 billion iaitu pertumbuhan sederhana sebanyak 3.8 peratus pada tahun 2019 berbanding 5.1 peratus pada tahun 2018.

Sektor perkhidmatan dan pembuatan, merupakan nadi utama ekonomi Pulau Pinang selaras dengan tumpuan yang digariskan dalam Rancangan Struktur Negeri 2030. Pada tahun 2019, sektor perkhidmatan menyumbang RM48.7 billion atau 51.4 peratus kepada KDNK negeri, manakala sektor pembuatan menyumbang sebanyak RM40.5 billion atau 42.8 peratus. Sektor pembinaan pula, menyumbang RM2.6 billion atau 2.8 peratus, sementara sektor pertanian menyumbang RM2.1 billion atau 2.2 peratus. Dalam pada itu, sektor perlombongan dan pengkuarian menyumbang RM0.2 billion atau 0.2%.

Dalam tempoh Januari hingga Jun tahun ini, Pulau Pinang mencatatkan pelaburan pembuatan yang diluluskan berjumlah RM9.12 billion. Prestasi yang baik ini didorong oleh pelaburan langsung asing FDI yang berjumlah RM8.42 billion atau 9.2 peratus aliran masuk pelaburan pembuatan, sementara baki RM694 juta atau 8 peratus adalah pelaburan domestik. Pelaburan pembuatan yang diluluskan dalam separuh pertama tersebut, mewakili 44 peratus daripada pelaburan pembuatan yang diluluskan untuk seluruh tahun 2019.

Apa yang lebih membanggakan Negeri Pulau Pinang menyumbang RM8.42 billion atau 47 peratus daripada keseluruhan pelaburan asing negara dalam tempoh Januari hingga Jun tahun ini. Pencapaian ini mencerminkan peranan signifikan negeri ini untuk mendorong penyertaan Malaysia dalam rantai bekalan global dengan meraikan keyakinan syarikat – syarikat *multinational* untuk melabur.

Sementara itu, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Melaporkan Negeri Pulau Pinang berjaya mencatatkan 61 projek dalam sektor pembuatan sepanjang tempoh Januari hingga Jun tahun ini yang telah mewujudkan anggaran 6971 peluang pekerjaan baharu.

## **KESAN PANDEMIK COVID-19**

Disangkakan panas sampai ke petang rupanya hujan ditengahari. Ekonomi Pulau Pinang yang dijangka berkembang pesat sepanjang tahun 2020 telah menguncup sejak April lalu akibat pandemik COVID-19. Kajian oleh Penang Institute menganggarkan kadar

pengangguran meningkat melebihi 3 peratus di Pulau Pinang pada tahun 2020, berbanding 2% pada tahun lepas dan 2.2 peratus pada tahun 2018. Trend pemberhentian pekerja susulan penularan COVID-19 terutama dalam sektor perkhidmatan meliputi perkhidmatan hospitaliti, perdagangan borong, penjualan runcit, pelancongan dan harta tanah banyak menyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran ini.

Bagi menangani kemelesetan dan menjana semula ekonomi Kerajaan Negeri, telah meluluskan Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19) menerusi tiga (3) fasa. Fasa 1 dengan peruntukan sebanyak RM75 juta bermula seminggu selepas pelaksanaan PKP, Fasa 2.0 pula bermula pada Mei 2020 dengan peruntukan RM76 juta. Prihatin dengan rintihan rakyat Fasa 2.1 dengan peruntukan tambahan sebanyak RM4.5 juta diluluskan pada Ogos 2020 menjadikan peruntukan keseluruhan Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19) mencecah RM155.5 juta.

YB. Dato' Yang di-Pertua, selain itu Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa *Penang Social Economic Recovery Consultative Council* (PSERCC). Jawatankuasa ini berperanan untuk merangka strategi jangka pendek dan sederhana, bagi merangsang pertumbuhan ekonomi menarik pelaburan asing dan tempatan, serta menentukan pembangunan sosial ekonomi yang mampan pasca PKP.

#### **FOKUS BELANJAWAN 2021**

Ke arah merealisasikan Visi Penang2030, Kerajaan Negeri menggariskan empat (4) strategi bagi memperkasakan pemulihan ekonomi negeri kita. Empat (4) strategi yang dimaksudkan itu ialah:

- Pertama** : Menggalakkan pelaburan dan meningkatkan produktiviti pemaju pertumbuhan ekonomi.
- Kedua** : Membangunkan infrastruktur dan komuniti digital kearah ketahanan mampan.
- Ketiga** : Memperkukuh dan mensejahtera kualiti hidup rakyat
- Keempat** : Memperkasa peranan dan bakat-bakat modal insan.

Semua strategi adalah sangat signifikan untuk mengerakkan agenda transformasi pemulihan dan memperkukuhkan ketahanan ekonomi bagi memaju Pulau Pinang merentas dimensi baharu yang lebih berdaya maju dan gemilang.

## **STRATEGI PERTAMA:**

### **MENGALAKKAN PELABURAN DAN MENINGKATKAN PRRODUKTIVITI BAGI MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI**

#### **Mengungguli Prestasi Pelaburan**

Pada tahun 2019 Negeri Pulau Pinang mencatat rekod pelaburan tertinggi dalam sejarah negeri ini. Berdasarkan data projek pembuatan yang diluluskan oleh MIDA, Pulau Pinang merupakan penyumbang FDI tertinggi dalam negara dengan jumlah pelaburan RM15 billion. Ketidakpastian ekonomi global yang disebabkan oleh COVID-19, dan perang dagang antara Amerika Syarikat dan Negara China, tidak banyak menjejaskan peluang untuk pembangunan pelaburan dan industri di negeri ini. Kerajaan Negeri akan terus memperkasa dan menggalakkan pelaburan tempatan dan luar negara sama ada dalam pelaburan baharu ataupun pelaburan semula.

Sektor pembuatan terus menjadi satu daripada pemacu utama aktiviti-aktiviti galakkan. Industri-industri galakkan dalam sektor pembuatan meliputi semikonduktor, peralatan semikonduktor dan industri berkaitan, peralatan elektrik dan elektronik, aeroangkasa avionik, peralatan perubatan dan industri halal. Pada tahun 2020, syarikat-syarikat seperti *Lamp Research*, *Bosch Automatic Electronics*, *Dexcom* dan *Ultra Clean Holding* telah mengumumkan pelaburan baharu mereka di Pulau Pinang, sekaligus membuktikan negeri ini berjaya mengekalkan momentum menarik pelaburan.

Kerajaan Negeri juga akan meningkatkan kejasama dengan MIDA untuk menganjurkan lebih banyak misi pelaburan yang berfokus dengan negara-negara maju dan membangun seperti negara China, Jepun, Korea Selatan, India dan Timur Tengah. Bidang pelaburan seperti pelancongan, pembuatan elektrik dan elektronik, pelancongan perubatan serta pertanian akan terus diberi penekanan untuk meningkatkan kebolehsaingan negeri kita. Pada masa yang sama, untuk menarik lebih ramai pelabur, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha menambahbaik segala prosedur dan syarat-syarat pelaburan untuk menyediakan persekitaran perniagaan yang lebih cekap, fleksibel dan rancak.

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PDC), sedang dalam proses membina *Global Business Services@Mahsuri* yang dijangka akan siap pada bulan Oktober tahun ini. *GBS@Mahsuri* akan menyediakan ruang pejabat seluas 80,000.00 kaki persegi untuk memenuhi permintaan syarikat-syarikat GBS. Ruang *GBS@Mahsuri* telah menerima pra sewaan atau *pre-letting* yang memberangsangkan daripada syarikat-syarikat *Global Business Services* terkemuka global.

Untuk membudayakan norma baru, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menganjurkan Kongres Dunia Teknologi Maklumat (*World Congress on Information Technology*) secara maya pada 18 hingga 20 November tahun ini dengan tema “*Discover New Opportunities in South East Asia*”. Kongres ini bakal menghimpunkan para ketua industri, pemimpin kerajaan dan ahli akademik dari lebih 80 buah negara.

*Penang Infrastructure Corporation* Sdn. Bhd. atau PIC iaitu sebuah syarikat *Special Purpose Vehicle (SPV)*, milik penuh Kerajaan Negeri telah ditubuhkan bagi menerajui pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang (PTMP). Syarikat ini yang diperbadankan pada Julai tahun ini, berperanan untuk merealisasikan projek-projek infrastruktur mega dibawah PTMP merangkumi:

- (a) Projek Transit Aliran ringan (LRT) Bayan Lepas,
- (b) Projek Lebuhraya Pan Island Link (PIL) Fasa 1 dan 2A,
- (c) Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR),
- (d) Projek Tiga Jalan Utama, serta
- (e) Projek Terowong Dasar Laut.

### **Memperkasakan Potensi Perindustrian**

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Dewan,

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) telah sekian lama memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Pulau Pinang. Kerajaan Negeri terus komited menyokong misi pembangunan IKS dengan menggunakan tiga (3) pendekatan iaitu penubuhan:

- (a) Pusat Nasihat Pasaran Sumber dan Latihan IKS Pulau Pinang (*Penang S.M.A.R..T Centre*),
- (b) Pusat IKS Pulau Pinang (*Penang SME Centre*); dan
- (c) Perkampungan-perkampungan IKS Pulau Pinang (*Penang SME Village*).

Kerajaan Negeri juga melalui *Invest Penang* telah melancarkan @CAT (*Accelerator For Creative Analytical And Technology*) yang menawarkan perkongsian ruang kerja serta Pusat Animasi Kreatif Dan Teknologi untuk membantu usahawan kecil yang terlibat di dalam bidang Kreatif Animasi serta sektor *Internet Of Things*. Dalam usaha merancang pembangunan *start up*, Kerajaan Negeri telah melancarkan Program Dana *Penang i4.0 Seed Fund* bernilai USD 1 juta ringgit I juta (RM4 juta) bagi projek-projek *start up* yang berpontensi tinggi, sehingga kini 27 syarikat telah menerima manfaat melalui dana ini.

## **Mengupaya Keberhasilan Pertanian**

Walaupun pada tahun 2018 sektor pertanian di Pulau Pinang mengalami kemerosotan sebanyak 3.2 peratus, Namun pada tahun 2019 sektor ini telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.9 peratus dengan nilai ditambah sebanyak RM2.1 billion. Peningkatan ini dilonjakkan oleh Sub Sektor Perikanan yang menyumbang sebanyak 41.2 peratus kepada sektor pertanian, sub sektor ternakan pula menyumbang 26.6 peratus manakala aktiviti tanaman seperti sayur-sayuran, padi dan tanaman makanan menyumbang sebanyak 20.6 peratus kepada sektor pertanian Negeri.

Program Tabung Usahawan Tani (TUT) yang diperkenalkan sejak tahun 2015 akan diteruskan untuk membantu golongan petani, perternak dan nelayan bagi memulih dan meningkatkan produktiviti perusahaan masing-masing. Program Skim Pinjaman Mikro Kredit ini memberi peluang kepada usahawan tani untuk membuat pinjaman tanpa faedah. Bagi tahun 2021, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM250,000 untuk program tersebut.

## **Meneruskan Kelestarian Pertanian**

Permintaan dan bekalan makanan domestik turut terkesan susulan penularan wabak COVID-19. Bagi memastikan rakyat memperolehi bekalan mencukupi, selamat dan berkhasiat, rantai bekalan makanan sedia ada perlu ditambah baik supaya lebih berdaya tahan tanpa bergantung sepenuhnya kepada sumber luar negara. Bagi meneruskan kelestarian pertanian, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM5.65 juta kepada Jabatan Pertanian pada tahun 2021.

Kerajaan Negeri juga amat bangga dengan pembukaan Ladang Vanila Pintar pertama di Malaysia oleh sebuah syarikat tempatan yang diterajui oleh Agropreneur muda menggunakan teknologi *Internet of Thing* (IoT) di Permatang Pauh Agro Park. Penanaman Pokok Vanila secara pintar tersebut dijangka dapat membawa pulangan ekonomi kira-kira RM1.5juta setahun kepada negeri.

## **Memacu Pertumbuhan Industri Perternakan**

Pengeluaran daging ayam dan itik dan khinzir telah melebihi tahap sara hidup atau *self-sufficiency level* (SSL) di Negeri Pulau Pinang sejak dua (2) dekad yang lalu. Pengeluaran tersebut merupakan penyumbang utama nilai hasil ternakan atau NHT iaitu sebanyak RM618 juta atau 82.77 peratus daripada jumlah keseluruhan NHT tahun 2019.

Bagi memperkasakan usaha untuk melestarikan keselamatan bekalan makanan di negeri ini, Enakmen Penternakan Babi 2019 telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2020 manakala Peraturan-Peraturan Pelesenan Penternakan Babi (Pulau Pinang) 2020 pula telah



dikuatkuasakan pada 1hb Mac 2020. Pada sidang Dewan kali ini, Rang Undang-Undang Peladangan Unggas (Pulau Pinang) 2020 akan dibentangkan, permohonan pengecualian kebenaran merancang bagi Ladang Khinzir telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020 sebagai sokongan Kerajaan Negeri supaya ladang-ladang ternakan khinzir sedia ada diberi tempoh mencukupi untuk dinaiktaraf kepada sistem penternakan moden dalam persekitaran yang mesra alam.

Kerajaan Negeri juga akan terus melaksanakan usaha-usaha untuk mengalakkan penyertaan sektor swasta dalam industri ternakan. Sebagai contoh, projek penternakan ayam baka berskala komersial telah dilaksanakan dengan jayanya di Batu Kawan Agropark. Projek ternakan tersebut mampu mengeluarkan bekalan daging ayam yang mencukupi serta mengekalkan SSL bagi bekalan ayam pada masa hadapan di samping mewujudkan peluang pekerjaan serta peluang latihan untuk Siswazah Perubatan Veterinar.

Untuk tahun 2021, Kerajaan Negeri akan terus mentransformasi penternakan traditional ke tahap semi komersial dan komersial bagi meningkatkan pengeluaran untuk menampung keperluan daging, susu dan telur. Sebanyak RM3.5juta akan diperuntukkan untuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk tujuan tersebut.

### **Memperkukuhkan Industri Perikanan**

Negeri Pulau Pinang turut menyumbang kepada pengeluaran *aquaculture* Negara, aktiviti akuakultur menyumbang 30.3 peratus keseluruhan sektor pertanian di Negeri ini bagi memastikan produk akuakultur berkualiti dan selamat dimakan, Kerajaan Negeri memberi penekanan terhadap keperluan untuk mematuhi amalan akuakultur baik serta Sijil Pensijilan MyGAP sehingga tahun 2020, lima (5) ladang akuakultur di Negeri Pulau Pinang telah dianugerahkan dengan sijil MyGAP (Akuakultur).

### **Menyemarakkan Potensi Industri Pelancongan dan Warisan**

Meskipun terkesan dengan wabak COVID-19, Pulau Pinang kekal unggul sebagai sebuah destinasi pelancongan apabila mendapat pengiktirafan daripada pelbagai institusi dan agensi antarabangsa. Antara pengiktirafan diterima pada tahun 2020 adalah:

- (a) *Disenaraikan sebagai salah satu destinasi persaraan terbaik di dunia oleh International Living,*
- (b) *Six Of The World's Most Thrilling Long-Haul City Breaks oleh The Telegraph,*
- (c) *Salah satu bandar yang mempunyai pilihan makanan paling dinamik di dunia oleh Eater Travel,*

- (d) *George Town sebagai salah satu bandar terbaik untuk nomad digital (digital nomad) oleh The National,*
- (e) *George Town antara 10 ibu kota terbaik dengan seni jalanan di dunia.*

Dalam usaha untuk mengekalkan keyakinan para pelancong terhadap Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi pelancongan yang selamat dan menarik Kerajaan Negeri telah memperkenalkan sistem Akreditasi Pasca Covid-19. Akreditasi ini merupakan satu bentuk pengiktirafan mana-mana pengiat industri pelancongan seperti pengusaha hotel dan premis penginapan pelancong serta pengusaha tempatan daya tarikan yang mematuhi peraturan yang diwajibkan oleh Kerajaan Negeri untuk menyekat penyebaran virus COVID-19. Pengiat industri Pelancongan yang telah memenuhi garis panduan dan *Standard Operating Prosedur* atau SOP kebersihan dan keselamatan yang ditetapkan akan diberi logo rasmi untuk dipamerkan di premis serta untuk kegunaan promosi dan pemasaran.

Kerajaan Negeri melalui *George Town World Heritage Incorporated (GTWHI)* telah melaksanakan projek norma baharu di George Town atau *George Town In The New Normal*. Projek ini merupakan projek utama Kerajaan Negeri untuk membantu masyarakat tempatan bagi menjana semula dan membantu peralihan sektor warisan budaya Pulau Pinang dalam menghadapi normal baharu.

Pada tahun 2021 GTWHI akan menganjurkan Perayaan Warisan George Town dan *George Town Festival* dengan kerjasama masyarakat setempat dan persatuan tempatan secara atas talian. Anggaran peruntukan untuk program-program tersebut berjumlah RM2 juta,

Meneruskan usaha untuk memartabatkan Bukit Bendera sebagai destinasi eko pelancongan terunggul di Malaysia, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa projek seperti menaik taraf Stesen Atas Bukit Bendera (Fasa 4), penstabilan cerun, pemasangan *anti climb fence* di sepanjang landasan dan sistem pengurusan trafik Bukit Bendera.

Sebagai usaha untuk meneruskan pelaksanaan Projek Kereta Kabel, Kerajaan Negeri akan mengeluarkan *request for proposal* bagi projek ini yang dijangka akan memakan masa selama dua (2) atau tiga (3) tahun. Dalam pada itu Kerajaan Negeri akan meneruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti *Penang Hill Visitor Gallery*, menaiktaraf bangunan Astaka Bukit Bendera dan projek-projek pemuliharaan bangunan-bangunan warisan milik Kerajaan seperti *bungalo Woodside, Convalescent*. Kerajaan Negeri juga akan menaiktaraf infrastruktur seperti Jalan Viaduct dan saluran daripada kawasan *Lower Tunnel* sehingga kawasan Claremont. Bagi tahun 2021, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan berjumlah RM14.11 juta untuk pembangunan Bukit Bendera.

## **Menjana Hasil Melalui Guna Tanah Yang Optimum**

Dato' Yang di-Pertua, untuk meningkatkan hasil negeri melalui hartanah yang dimiliki, usaha sedang diambil untuk mengkelaskan semula tanah-tanah desa yang telah dibangunkan menjadi bandar di seluruh Pulau Pinang di bawah Seksyen 51(2)(a) Kanun Tanah Negara (KTN). Usaha juga sedang diambil untuk meminda sempadan bandar asal di bawah 11(ca) KTN dan mewujudkan bandar-bandar baru di bawah Seksyen 11(d) (KTN). Kerajaan Negeri dijangka akan mendapat hasil sebanyak RM56 juta selepas pelaksanaan program ini.

### **STRATEGI KEDUA:**

## **MEMBANGUNKAN INFRASTRUKTUR DAN KOMUNITI DIGITAL KE ARAH KETAHANAN MAMPAN**

### **Mengukuhkan Jaringan Pengangkutan**

Pelaburan dalam infrastruktur amat *significant* dalam memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negeri. Kerajaan Negeri telah menyediakan RM31.98 juta bagi tahun 2021 untuk kesinambungan projek pembinaan dan menaiktaraf jalanraya dan jambatan di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Sistem jalan raya yang sempurna melambangkan kemajuan pembangunan sesuatu tempat. Penyelenggaraannya memerlukan kos yang tinggi. Kerajaan Negeri ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang menyalurkan peruntukan dibawah Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) bagi penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri, Jalan Raya Bandaran, Jalan Kampung dan Jalan Pertanian di Pulau Pinang. Sehingga Ogos 2020, sebanyak RM154.97juta telah disalurkan di bawah peruntukan ini.

Sebagai usaha untuk menggalakkan lebih ramai orang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam, perkhidmatan bas percuma, *CAT Bridge* telah diperkenalkan mulai 1 September hingga 31 Disember 2020 sebagai percubaan. Perkhidmatan *CAT Bridge* ini merupakan laluan alternatif kepada orang ramai yang menggunakan perkhidmatan awam untuk merintasi Jambatan Pulau Pinang selain perkhidmatan feri. Buat masa ini, laluan percubaan bagi perkhidmatan ini merangkumi kawasan Zon Perindustrian Bebas serta beberapa kawasan tumpuan utama di bahagian Pulau dan Seberang Perai. Kerajaan Negeri akan meneliti maklumbalas daripada orang awam berhubung perkhidmatan *CAT Bridge*, dan menilai keberkesanan perlaksanaannya selepas Disember 2020. Suka saya mengumumkan, bahawa sebanyak RM15juta akan disediakan bagi meneruskan perkhidmatan bas percuma *CAT*, di laluan-laluan utama yang ditetapkan di Negeri Pulau Pinang.

Projek-projek Rancangan Tebatan Banjir berimpak tinggi, akan diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2021. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM96.13juta kepada Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) untuk projek-projek mendalam dan membaiki sungai, pengaliran dan saliran pertanian, Projek Tebatan Banjir serta pembangunan pantai, koridor sungai saliran mesra alam dan kolam takungan.

### **Merancang Pertumbuhan Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa**

Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri juga memberi fokus kearah pembangunan negeri pintar bertaraf antarabangsa melalui Pendigitalan Perkhidmatan Bandaraya dengan teknologi pintar. Satu daripadanya ialah *Penang Smart Parking (PSP)* iaitu sistem pengurusan dan pengoperasian 36,000 petak Tempat Letak Kereta (TLK) secara pintar yang merangkumi kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang telah mula sejak bulan Ogos 2019. Aplikasi ini telah dimuat turun sebanyak 351,413 kali dengan bilangan transaksi bayaran sebanyak 2,635,517 kali serta nilai kutipan sebanyak RM5.12juta. Proses pemasangan secara berfasa bagi kesemua 36,000 sensor sedang giat dilaksanakan, dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Februari 2021.

### **Meluaskan Capaian Telekomunikasi**

Dalam aspek infrastruktur telekomunikasi, Negeri Pulau Pinang diiktiraf oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai negeri kedua terbaik selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari segi liputan telekomunikasi. Kadar penembusan jalur lebar bagi setiap 100 penduduk di negeri kita, adalah sebanyak 139.7 peratus lebih tinggi daripada kadar nasional 127.7 peratus. Penembusan jalur lebar tetap berwayar pula, mencapai kadar 11.8 peratus lebih tinggi dari kadar nasional iaitu 8.1 peratus.

Untuk memastikan ketersediaan jalur lebar bertaraf 5G di seluruh Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri bersama dengan kesemua syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi, telah merangka satu Pelan Kesalinghubungan Negeri Pulau Pinang atau *Penang Connectivity Master Plan* selaras dengan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara atau NFCP.

Kerajaan Negeri sememangnya bertuah kerana mempunyai dua (2) Pihak Berkuasa Tempatan yang cemerlang menggalas peranan masing-masing, sebagai perantara Kerajaan Negeri dan rakyat. Bagi tahun 2021, MBPP dan MBSP terus komited untuk menjalankan fungsi merancang, membangun dan menguruskan kawasan bandar. Di sebelah pulau antara projek yang akan dilaksanakan oleh MBPP termasuk projek naiktaraf tembok laut dan berjalan kaki di George Town dan Bayan Lepas, pembinaan jalan berkembar di Jalan Paya Terubong, pembinaan pusat penyimpanan dan pengedaran ayam berserta tempat letak kereta di Batu Lanchang, serta pembinaan bangunan baru di Jalan Kampung Jawa.

Manakala di Seberang Perai pula, MBSP akan membangunkan semula Kompleks Pasar Awam dan Pusat Penjaja serta melaksanakan pembangunan bercampur dan komersial di Bandar Seberang Jaya, serta menaiktaraf sistem perparitan dan membina rumah pam di Taman Bunga Raya Butterworth, serta menaiktaraf Kompleks Makanan Lengkok Tenggara, Seberang Jaya. Kerajaan Negeri percaya MBPP dan MBSP, akan terus memberikan perkhidmatan terbaik dan memainkan peranan yang penting dalam membantu pertumbuhan serta meningkatkan daya saing negeri secara keseluruhannya.

Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan berjumlah RM5 juta bagi Projek Parit Monsun dari Sungai Puyu ke Jalan Siram yang akan dilaksanakan pada tahun 2021, dan dijangka siap pada tahun 2023. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sejumlah RM1.4 juta bagi Projek Menaik Taraf Kompleks Penjaja Mak Mandin di Butterworth. Sebagai satu daripada usaha merealisasikan visi Penang2030, sebanyak RM2 juta juga telah diperuntukkan bagi pembangunan Robina Eco Park Fasa 2 sebagai lokasi tarikan terbaru di Seberang Perai.

### **Memanafaatkan Pendigitalan Komuniti**

Pada 26 April 2020, iaitu semasa tempoh PKP, satu inisiatif pintar melibatkan pembayaran tanpa tunai telah dilaksanakan secara perintis di Pasar Awam Taman Tun Sardon, yang melibatkan 33 penjaja. Inisiatif ini kemudiannya diperluaskan ke semua 56 pasar awam di seluruh negeri, dengan kerjasama 17 penyedia perkhidmatan kewangan dan sebuah syarikat telekomunikasi. Setakat ini, inisiatif tersebut telah menerima maklumbalas positif daripada 991 penjaja di 13 pasar awam yang menerima pakai kaedah e-pembayaran. Sebanyak 2500 transaksi jualan, bernilai RM50,000 telah dilakukan melalui kaedah e-pembayaran tersebut.

Pada masa yang sama, penggunaan teknologi digital adalah antara alternatif terbaik, bagi membantu usahawan PKS meneruskan aktiviti perniagaan, sekaligus membantu mengurangkan kadar pengangguran terutama dalam tempoh pasca COVID-19 ini. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri melalui Digital Penang, telah memperkenalkan program *Digital Coach Scheme* dan *Digital Promoter Scheme* bertujuan untuk memberi peluang pekerjaan separuh masa kepada golongan yang memerlukannya.

*Digital Coach Scheme* merupakan program memberi pengetahuan kepada golongan yang kurang berkemahiran dalam penggunaan teknologi digital, terutamanya warga emas dan penduduk desa. *Digital Promoter Scheme*, pula merupakan program menggalakkan penggunaan *e-wallet* oleh pengguna dan peniaga dalam menyokong usaha transaksi tanpa tunai Kerajaan Negeri.

Bagi tujuan pelaksanaan *Digital Coach Scheme* dan *Digital Promoter Scheme*, suka saya umumkan bahawa Kerajaan Negeri telah memperuntukkan anggaran RM1.19juta. Saya

mengambil kesempatan ini, menyeru semua komuniti perniagaan untuk mempercepatkan usaha pendigital dalam semua aspek perniagaan masing-masing untuk menjamin kelangsungan perniagaan dan kekal relevan.

### **Menambah Baik Prasarana Sukan Dan Rekreasi.**

Dato Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang akan mengujudkan *Sport City* di Batu Kawan yang akan menggabungkan beberapa prasarana sukan bertaraf antarabangsa. Dalam masa yang sama, Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang, merancang program-program yang menarik dan bermanfaat bagi mengaktifkan Stadium Negeri Batu Kawan. Antaranya ialah :

- (a) Pembukaan trek balapan stadium kepada orang ramai, menjalankan aktiviti larian dan joging, berekreasi,
- (b) Pembukaan Gimnasium Stadium,
- (c) *Penang International Fruits and Flowers Festival 2021*,
- (d) *Talent Developing Society* dan *Zero2Maker*,
- (e) Litar Perlumbaan *Drag Race*, *Sport for All @ Stadium Negeri Pulau Pinang*, dan
- (f) Karnival Sukan Batu Kawan *Industrial Park* dan *Penang Science Park*.

Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang juga akan membangunkan dua (2) buah taman iaitu Taman Kejiranan Lebu Sungai Pinang 7, Jelutong dan kawasan lapang Pokok Sena di Seberang Perai Utara sebagai Taman Sukan dan Rekreasi. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSN) bersama Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang serta agensi-agensi berkaitan, sedang dalam usaha merangka Pelan Induk Kemudahan Sukan Negeri bagi memastikan Negeri Pulau Pinang mempunyai kemudahan dan fasiliti sukan yang mencukupi serta sedia untuk digunakan. Suka saya umumkan dibawah Belanjawan 2021 ini, sebanyak RM15.45 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan keseluruhan program di bawah pembangunan sukan dan kawasan lapang.

Dalam kesempatan ini juga Dato Yang di-Pertua, dan Ahli-Ahli Dewan saya ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada Persatuan Bola Sepak Negeri Pulau Pinang (**Ahli Dewan menepuk meja**) kerana pasukan negeri kita telah baru menang *Liga Premier* dan melayakkan diri ke *Super League* dan *Malaysia Cup* dan akan dipertandingkan nanti.

### **Melestarikan Persekitaran Selamat Dan Bersih.**

Salah satu aspek utama dalam pelaksanaan inisiatif pintar adalah aspek keselamatan. Kerajaan Negeri melalui PBT telah menaiktaraf CCTV untuk keupayaan analitis

dan pengecaman wajah. Selain itu, CCTV juga dipasang di kawasan *hotspot* jenayah, pembuangan sampah haram dan jalan-jalan yang mempunyai aliran trafik yang tinggi. Setakat bulan Ogos 2020, sebanyak 1,177 CCTV telah dipasang di seluruh negeri.

Kerajaan Negeri amat prihatin dengan kebajikan penduduk di Ladang Byram yang terpaksa dipindahkan kerana berada dalam zon penampian Fasa 3, tapak pelupusan sampah Pulau Burung. Kerajaan Negeri sedang membangunkan satu kawasan khas untuk menempatkan semula penduduk dengan pembinaan 76 buah rumah kos rendah, sebuah sekolah rendah dan sebuah kuil. Projek ini dijangka siap pada hujung tahun 2022.

Projek perintis *waste to energy* merupakan kutipan dan pemprosesan sisa organik di bahagian pulau menunjukkan potensi untuk diperkembangkan ke seluruh negeri. Kajian kebolehlaksanaan sedang dijalankan di kawasan Seberang Perai. Projek ini berpotensi untuk meningkatkan lagi kadar kitar semula negeri dan memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah di Pulau Burung.

Kerajaan Negeri juga telah mengambil langkah-langkah pragmatik untuk menutup secara selamat, memulih dan membangunkan tanah bekas tapak pelupusan sampah di Jelutong melalui satu tender terbuka. Tanah ini yang berkeluasan 84 ekar akan mengambil masa lima (5) tahun untuk dipulihkan dan 10 tahun untuk dibangunkan bagi pembangunan bercampur yang akan mengubah wajah kawasan Jelutong. Syarikat yang berjaya dalam tender telah menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Negeri pada 21 Februari 2020 untuk rehabilitasi dan membangunkan tapak berkenaan dengan kos keseluruhan berjumlah RM1 billion.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan,

### **STRATEGI KETIGA:**

#### **MEMPERKASAKAN DAN MENSEJAHTERA KUALITI HIDUP RAKYAT.**

##### **Meningkatkan Daya Huni Rakyat**

Melalui inisiatif Penang2030: *A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation*. Di bawah teras meningkatkan daya huni rakyat yang bertujuan untuk menambah baik kualiti kehidupan rakyat telah mencapai sasaran, menyediakan perumahan yang selesa dan mencukupi bagi golongan B40 dan M40. Semenjak Tahun 2008 hingga kini, Kerajaan Negeri telah berjaya memastikan sebanyak 33,847 rumah mampu milik jenis A, B dan C siap dibina. Sebanyak 20,721 unit lagi sedang dalam pelbagai fasa pembinaan manakala 52,174 unit pula berada di peringkat perancangan. Ini menjadikan jumlah keseluruhannya 106,742 unit, melepasi jumlah komitmen yang dinyatakan dalam Manifesto 100 Hari Perumahan Untuk Semua, iaitu sebanyak 75,362 unit.

Kerajaan Negeri kini meletakkan sasaran baru iaitu menyediakan 220,000 rumah mampu milik menjelang tahun 2030 berbanding sasaran awal iaitu 180,000 unit rumah mampu milik seperti yang tergantung dalam Visi Penang2030.

Dato' Yang di-Pertua,

Pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP telah memberi tekanan kepada golongan B40 dan M40. Sektor pembinaan pula menghadapi kesukaran untuk memenuhi keperluan pembinaan rumah yang selesa dan mampu milik. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan *Home Ownership Campaign* atau Kempen Pemilikan Rumah Pulau Pinang 2020 dan Dasar Ransangan Sektor Hartanah Negeri Pulau Pinang 2020.

Antara intipati dasar ini adalah untuk mengurangkan 10% siling maksima rumah mampu milik (RMM). Harga siling RMM jenis C yang baharu bagi keluasan minimum 850 kaki persegi ditetapkan pada RM270,000 di bahagian Pulau manakala RM225,000 di Seberang Perai. Selain itu, sektor pembinaan yang terjejas juga diberikan insentif tambahan melalui pemberian pelbagai diskaun, pengecualian dan aspek pematuhan yang dijangka dapat mengurangkan kos pembinaan dan merancakkan aktiviti pembinaan.

Bagi membantu golongan yang menghadapi masalah pembiayaan untuk memiliki rumah mampu milik pula, Kerajaan Negeri mensasarkan penyediaan 22,000 unit sewa beli. Kerajaan Negeri juga telah memohon secara rasmi pembinaan Program Perumahan Rakyat (PPR) melalui Rancangan Malaysia Ke-12 di mana lima (5) tapak meliputi kelima-lima daerah dicadangkan kepada Kerajaan Persekutuan. Tapak-tapak tersebut adalah di Jelutong, di Mayang Pasir, Batu Kawan, Kampung Tongkang dan Ujung Batu.

Sejak tahun 2008 Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM250.1 juta atau purata RM20.83 juta setahun dalam menyelenggara perumahan awam dan swasta di kelima-lima daerah. Daripada jumlah tersebut, RM191.3 juta dibelanjakan untuk skim-skim di bawah perumahan awam, RM23.4 juta untuk skim perumahan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan RM35.4 juta untuk penyelenggaraan Skim Perumahan Kos Rendah dan Sederhana Rendah swasta melalui inisiatif Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 peratus (TPM80). Untuk tahun 2021, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM6.8 juta untuk TPM80 dan RM12 juta untuk penyelenggaraan pembaikan dan naik taraf perumahan awam kos rendah.

Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang secara rasminya akan memulakan operasi pada 1 Januari 2021. Pada masa ini, segala urusan *migration* serta transisi daripada Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang sedang giat dilaksanakan. Selaras dengan Seksyen 42(1) Enakmen Lembaga Perumahan, penubuhan Lembaga Perumahan Negeri adalah bertujuan untuk



memacu pembangunan serta melestarikan pembangunan RMM dan pembangunan semula bandar di seluruh negeri Pulau Pinang.

### **Mendahulukan Kebajikan Rakyat**

Kerajaan Negeri sentiasa meletakkan kebajikan rakyat Negeri Pulau Pinang sebagai keutamaan dalam perancangan pembangunan negeri dan amat prihatin dengan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh rakyat di negeri ini terutama golongan-golongan rentan (*vulnerable groups*) yang sering terkesan dengan perubahan sosio-ekonomi dunia. Mengambil kira kekuatan ekonomi pasca PKP dan pengumuman terbaru, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri akan mengkaji dan memperhalusi penggunaan PGK terbaharu tersebut bagi memastikan program-program pembasmian kemiskinan di Pulau Pinang dapat dilaksanakan tanpa melibatkan implikasi kewangan yang besar kepada kedudukan kewangan negeri.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga akan memfokuskan agenda-agenda yang mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi dan meningkatkan kebolehpasaran rakyat negeri sebagai kaedah pembasmian kemiskinan yang utama.

Sebagai langkah yang proaktif untuk merapatkan jurang pendapatan masyarakat, Kerajaan Negeri akan menggunakan kadar pendapatan per kapita (PPK) yang baharu iaitu daripada RM220 kepada RM260 mulai September 2020 bagi penyaluran bantuan-bantuan berkaitan peruntukan Kerajaan Negeri. Selaras dengan perubahan ini, bantuan Agenda Ekonomi Saksama (AES) telah digabungkan dengan bantuan am di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk memastikan bantuan yang diberikan relavan dengan keperluan semasa, urus tadbir pemberian bantuan yang lebih efisien, tiada pertindihan yang boleh menyebabkan ketirisan wang, serta penyampaian bantuan program kebajikan yang lebih inklusif untuk semua rakyat yang layak tanpa mengira lokaliti pengundian. Program ini dijenamakan sebagai Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES).

Sebagai penghargaan kepada setiap lapisan masyarakat tanpa mengira umur dan latar belakang sosial, Kerajaan Negeri dengan berbesar hati akan meneruskan program-program kebajikan di bawah i-Sejahtera dengan sejumlah RM50 juta akan diperuntukkan bagi tujuan tersebut. Mengambil pengajaran dari peningkatan permohonan pembayaran secara pindaan wang elektronik (EFT) ketika tempoh PKP berkuatkuasa, Kerajaan Negeri akan terus berusaha kearah 100 peratus pembayaran secara kaedah EFT bagi memastikan proses pemberian sumbangan dapat dilakukan dengan efisien dan telus serta mengurangkan kos-sampingan melalui pembayaran secara tunai.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga komited untuk meneruskan kebajikan yang mengutamakan golongan miskin negeri secara langsung seperti Program Mutiara Food Bank. Program ini sememangnya memberi manfaat kepada golongan yang kurang berkemampuan melalui kaedah menyelamatkan lebih makanan daripada pasaraya besar dan mengagihkan semula makanan tersebut kepada golongan sasar yang telah dikenalpasti. Untuk tujuan tersebut, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM30,000 bagi kelangsungan pelaksanaan Program Mutiara Food Bank. Sehingga bulan Julai tahun ini, program yang telah diperkenalkan sejak 2017 ini telah berjaya menyelamatkan lebih 890 tan lebih makanan berupa hasil pertanian dan produk bakeri serta tela memberi manfaat kepada 40,445 orang penerima.

Dato' Yang di-Pertua,

Pada kesempatan ini, suka saya mengingatkan semua rakyat Pulau Pinang untuk menjayakan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 atau *MyCensus 2020*. Pembancian dalam talian yang sepatutnya akhir pada 30 September telah disambung semula pada 7 Oktober sehingga 21 Disember nanti. Berikutan peningkatan kes COVID-19 kebelakangan ini juga, fasa kedua bancian (secara bersemuka) yang sepatutnya bermula pada 7 sehingga 24 Oktober telah dijadualkan semula kepada 20 Januari sehingga 6 Februari 2021.

Bagi mereka yang masih belum melaksanakan bancian, gunakan kesempatan lanjutan tempoh ini untuk melunaskan tanggungjawab sebagai rakyat yang prihatin. Beri kerjasama sepenuhnya apabila dikunjungi oleh para pembanci semasa fasa kedua kelak. Hasil dapatan bancian inilah bakal mencorak struktur demografi, sosial dan ekonomi yang akan digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk menetapkan hala tuju pembangunan negeri serta menyediakan kemudahan, bantuan serta manfaat-manfaat berkaitan.

### **Mengutamakan Kesejahteraan dan Kesihatan Rakyat**

Bagi meluaskan skop kemudahan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat, beberapa projek pembangunan telah diluluskan di dalam *Rolling Plan Keempat*, Rancangan Malaysia Ke-11 bagi Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang. Antaranya:

- (a) Membina baharu Klinik Kesihatan Jenis 2 (KK2) dengan kuarters di Bayan Lepas, Barat Daya;
- (b) Membina baharu Klinik Kesihatan (Jenis 3) di Bandar Tasek Mutiara, Seberang Perai Selatan.

Saya ingin memanjangkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas keprihatinan untuk meluluskan projek-projek pembangunan ini demi untuk memastikan kemudahan kesihatan dapat dinikmati dan mudah diakses oleh rakyat kita. Walaupun telah memasuki fasa pemulihan, namun peperangan menentang COVID-19 ini masih belum berakhir. Selagi vaksin utama untuk virus ini belum ditemui, SOP adalah vaksin yang paling berkesan untuk tempoh masa kini. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk mematuhi setiap SOP yang telah digariskan oleh Kerajaan bagi mengekang penularan COVID-19. Untuk memastikan Pulau Pinang benar-benar terputus daripada rangkaian, Kerajaan Negeri akan terus berganding bahu dengan Kerajaan Persekutuan untuk memperkasakan komuniti melalui pendidikan kesihatan berkaitan COVID-19 terutamanya penerapan norma baharu dalam kehidupan serta kepentingan menjaga kawalan sendiri sama ada di tempat kerja, tempat awam, tempat ibadat mahupun di rumah pada setiap masa.

### **Memastikan Kelestarian Bekalan Air**

Sejak tahun 2008 sehingga kini, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah melaksanakan Polisi Tiada Catuan Air dengan jayanya. Polisi ini tidak lain tidak bukan mempunyai matlamat utama untuk memastikan air terawat dan berkualiti dapat dibekalkan secara berterusan kepada semua rakyat Pulau Pinang serta sektor industri. Selain memelihara kesihatan awam, perkara ini adalah penting untuk menarik lebih banyak pelabur untuk membuka perniagaan baharu di negeri kita. Bagi tahun 2021, PBAPP akan meneruskan pemasangan saluran paip baharu untuk membekalkan air ke semua kawasan pertumbuhan baharu di negeri kita melalui 10 projek yang telah dikenal pasti dengan kos keseluruhannya berjumlah RM10.5 juta serta enam (6) lagi projek yang sedang dikenal pasti kosnya oleh PBAPP.

### ***World UN Habitat Day.***

Setiap tahun UN Habitat akan menganjurkan sambutan *World UN Habitat Day* di seluruh dunia. Bagi tahun ini, sambutan telah dibuat di negara jiran iaitu di Surabaya, Indonesia dengan tema Pembangunan Perumahan Untuk Semua: *A Better Urban Future, and The Global Observance*. Tujuan sambutan ini adalah untuk menilai perkembangan bandar dan bandaraya di dalam sesebuah negeri termasuklah keperluan penyediaan keperluan asas untuk dinikmati oleh semua orang iaitu tempat perlindungan.

Kerajaan Negeri tidak ketinggalan untuk memberikan yang terbaik kepada penduduk Pulau Pinang. Antaranya adalah menjalinkan kerjasama erat bersama pihak UN Habitat untuk menambahbaik kualiti projek pembangunan dan perkhidmatan yang disediakan. Bagi tujuan tersebut, UN Habitat telah menyediakan perancangan awal untuk pelaksanaan projek

di bawah seliaan Kerajaan Negeri selaras dengan dimensi *Sustainable Development Goals* (SDG) dan *New Urban Agenda* secara spesifik dengan mengambil kira Visi Penang 2030.

Ini sekaligus memastikan pembangunan dan pelaksanaan projek-projek dilaksanakan dengan mengambil kira pandangan komuniti setempat dan kemudahan infrastruktur sedia ada, *urban resilience*, regenerasi bandar, kemudahan mobiliti dan kesalinghubungan antara bandar.

Dato' Yang di-Pertua,

#### **STRATEGI KEEMPAT:**

#### **MEMPERKASAKAN PERANAN DAN BAKAT MODAL INSAN.**

##### **Memertabatkan Peranan Institusi Kekeluargaan dan Wanita**

Keganasan rumah tangga menjadi topik yang hangat dibincangkan semasa penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Sememangnya keganasan rumah tangga ini bukan sahaja meruntuhkan institusi keluarga, malahan dapat memusnahkan masa depan anak-anak muda. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri sebulat suara meluluskan Dasar Keluarga Selamat Pulau Pinang sebagai salah satu usaha untuk membanteras keganasan rumah tangga dengan lebih komprehensif. Usaha ini dilaksanakan dengan melibatkan kolaborasi dan kerjasama dengan agensi Kerajaan Persekutuan, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK), badan-badan Bukan Kerajaan serta Persatuan Agama untuk menangani keganasan rumah tangga di Pulau Pinang.

Selain itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan program-program keusahawanan wanita pada tahun 2021. Program Wanita Jana Rezeki adalah antara program yang telah diadakan pada tahun 2020 yang memperlihatkan penglibatan seramai 31 pengusaha wanita yang menyetengahkan 65 produk hasil perusahaan masing-masing. Program seumpama ini dapat melahirkan lebih banyak golongan wanita yang mampu berdikari dan menyumbang kepada kemajuan negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri juga akan meneruskan pelaksanaan program Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) di semua KADUN di negeri kita pada tahun akan datang. Program JPWK ini dibangunkan untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan golongan wanita dan Kerajaan Negeri berhasrat untuk melihat lebih banyak golongan wanita untuk tampil ke hadapan serta berani untuk membela nasib dan mengangkat martabat diri sendiri, keluarga dan komuniti. Bagi tahun 2021, Kerajaan Negeri akan memperuntukan RM1.35 juta bagi bayaran elaun ahli dan pelaksanaan program JPWK.

Selain itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan pelaksanaan Program Pemeriksaan Mammogram Percuma untuk golongan wanita Pulau Pinang (Mammo-Penang) dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun akan datang dengan kos berjumlah RM886,000.00.

### **Memperkasakan Kepimpinan MPKK**

Peranan penting yang dimainkan oleh ahli-ahli MPKK di peringkat akar umbi akan terus diiktiraf. Walaupun Kerajaan Persekutuan telah menghentikan peruntukan bagi bayaran elaun MPKK, namun Kerajaan Negeri akan terus komited untuk menyediakan peruntukan berjumlah RM9 juta bagi tujuan bayaran elaun MPKK Pulau Pinang. Peruntukan pada tahun 2021 ini meningkat sebanyak RM4.9 juta berbanding dengan RM4.1 juta pada tahun 2020.

### **Mengupaya Potensi Belia**

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah melancarkan Program Sukarelawan Belia Pulau Pinang pada 1 Mac tahun ini. Sehingga 31 Ogos 2020, seramai 401 belia telah mendaftar sebagai sukarelawan belia di negeri kita. Matlamat utama program ini adalah untuk menyediakan pasukan sukarelawan di kalangan belia yang berdedikasi bagi memberikan perkhidmatan sukarela kepada komuniti setempat serta melestarikan semangat patriotisme di kalangan belia. Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021, Kerajaan Negeri menetapkan kuota bagi seorang belia lelaki dan wanita yang berumur 21 tahun hingga 35 tahun dalam keanggotaan MPKK. Tujuan penglibatan belia dalam MPKK adalah untuk menggalakkan golongan belia dalam pembangunan dan pengurusan kampung, kawasan tempat tinggal serta memupuk nilai-nilai kepimpinan dalam diri mereka.

Dalam masa yang sama, PYDC akan menubuhkan satu platform digital pada tahun 2021 untuk membangunkan lebih ramai bakat di kalangan belia dalam bidang digital yang berupaya memacu Pulau Pinang sebagai sebuah hub inovasi digital. PYDC menyasarkan 1,000 orang bakat dilahirkan di bawah Program *Penang Young Digital Talent* dalam jangka satu (1) atau dua (2) tahun. Usaha pemantapan kerjaya yang merupakan fokus utama PYDC akan turut diperkukuhkan melalui inisiatif pewujudan portal pekerjaan melalui laman web PYDC. Golongan belia dialu-alukan menggunakan platform ini untuk mencari pekerjaan terutamanya pada detik sukar selepas penularan COVID-19 ini. Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri akan menyediakan RM1 juta kepada PYDC untuk perbelanjaan pengurusan dan pelaksanaan program, iaitu meningkat sebanyak RM180,000.00 berbanding tahun 2020.

### **Melestarikan Keterangkuman Gender.**

Dasar Keterangkuman Gender telah dilaksanakan mula bulan Mei tahun 2018 dan sehingga kini kekal sebagai satu-satunya negeri yang mempunyai dasar tersebut. Pulau Pinang, satu-satu negeri ya, yang mempunyai dasar tersebut. Dasar ini bertujuan untuk memberi keutamaan untuk kurangkan diskriminasi, ketidaksamaan dan menggalakkan penyertaan daripada pihak berkepentingan termasuk wanita dan kaum ibu, kaum lelaki dan bapa, golongan kurang upaya, warga emas dan remaja. Sejak pelaksanaan dasar ini, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan kesaksamaan gender diambil kira dalam semua dasar, program dan amalan Kerajaan Negeri dalam usaha mengintegrasikan nilai keterangkuman gender dan mempromosikan kesaksamaan gender di Negeri Pulau Pinang. Bagi memastikan program keterangkuman gender dapat diakses oleh semua, kita akan peruntukkan RM20,000.00 untuk pelaksanaan program bagi tahun 2021.

Usaha untuk memperkasakan pelaksanaan agenda pembangunan wanita, keluarga dan keterangkuman gender diterajui oleh Perbadanan Pembangunan wanita Pulau Pinang (PWDC) yang akan menerima RM1.5 juta dari Belanjawan 2021. Sebagaimana yang dijanjikan dalam Manifesto Pakatan Harapan Negeri Pulau Pinang, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa MMK Agama Selain Islam yang bertindak sebagai perancang, penggubal dan pelaksana dasar Kerajaan Negeri mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama selain Islam di peringkat negeri. Jawatankuasa MMK ini juga bertindak bagi menggalakkan penyertaan NGO bagi membantu menyelesaikan isu berkenaan dengan hal ehwal agama selain Islam. Bagi tahun 2021, RM300,000.00 diperuntukkan untuk pelaksanaan program-program di bawah portfolio ini.

### **Meningkatkan Kualiti Sumber Manusia**

Pemeriksaan modal insan yang berkualiti dan berkemahiran tinggi adalah salah satu usaha Kerajaan Negeri dalam dasar pembangunan negeri. Kerajaan Negeri melalui *Penang Skill Development Center (PSDC)* aktif mengadakan pelbagai program dan latihan untuk melatih sumber manusia dalam pelbagai bidang kemahiran merangkumi Program Teknologi Pemesinan, Perisian, Kejuruteraan dan Teknologi Pembuatan. Selain itu, Program Malaysia Meister Program (MMP) di Pulau Pinang telah diperkenalkan untuk mencontohi Sistem Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang unggul di negara Jerman. Melalui program ini, pusat latihan akan didirikan di kilang serta syarikat perniagaan bagi membolehkan pelajar mempelajari teori dan amalan praktikal pada masa yang sama.

Kerajaan Negeri juga akan meneruskan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) melalui Program empowerNCER@Pulau Pinang dan *NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)* untuk membangunkan kapasiti modal insan di negeri kita. Program empowerNCER@PulauPinang bertujuan untuk memberi kemahiran asas dan latihan keusahawan ke arah kebolehpasaran dan keusahawanan melibatkan golongan belia, wanita, ibu tunggal serta penganggur. Tidak terhad kepada golongan tersebut, penyertaan untuk program ini juga ditawarkan kepada pengusaha perniagaan mikro yang terjejas dengan pelaksanaan PKP, penjaja dan peniaga kecil serta pekerja yang diberhentikan kerja. Sementara itu, NTEP juga akan diteruskan untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan kualiti hidup siswazah-siswazah yang menghadapi kesukaran mencari pekerjaan susulan penularan COVID-19 serta memastikan tenaga kerja mahir yang mencukupi bagi memenuhi keperluan industri di Wilayah Koridor Utara.

Kerajaan Negeri turut menyambut baik pelaksanaan Program PENJANA NCIA JomKerja dan JomNiaga dengan kerjasama NCIA yang diperkenalkan khusus di bawah Pelan Jana Semula Negara (PENJANA). Program PENJANA NCER JomKerja adalah bermatlamat untuk mewujudkan peluang pekerjaan dengan memberikan insentif kepada syarikat-syarikat yang memberi peluang pekerjaan kepada graduan menganggur, pekerja yang hilang pekerjaan dan belia lepasan sekolah. Insentif ini akan memanfaatkan 770 peserta. Manakala Program PENJANA NCER JomNiaga pula adalah sebuah program *fast track* yang bertujuan untuk menyediakan peluang menjana pendapatan melalui keusahawanan bagi golongan sasar dalam tempoh masa tiga (3) bulan selepas menjalani latihan kemahiran, atau penempatan pekerjaan di dalam industri Perusahaan Kecil Sederhana (PKS). Insentif ini akan memanfaatkan 1,00 peserta di Pulau Pinang.

Susulan *pandemic* COVID-19, Pembangunan Modal Insan melibatkan penyusunan semula guna tenaga selaras dengan matlamat pemulihan ekonomi untuk memperkasakan tahap sosio-ekonomi serta meningkatkan taraf hidup rakyat. Pusat Bantuan Kerjaya dan Bakat Pulau Pinang (*Penang Career Assistance and Talent Centre*) akan terus memainkan peranannya untuk meningkatkan pertumbuhan sumber manusia. Penang CAT memainkan peranan yang jauh lebih menonjol dengan perkembangan semasa di mana syarikat-syarikat berdepan dengan cabaran untuk mengekalkan tenaga kerja selepas penguatkuasaan PKP. Dalam hal ini, Penang CAT akan meneruskan kerjasama erat dengan Jabatan Tenaga Kerja untuk memadankan pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja serta pekerja-pekerja baharu dengan peluang pekerjaan dan program latihan.

Dato' Yang di-Pertua,

### **Memperkukuhkan Modal Insan Melalui Pendidikan**

Saban tahun, Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan bagi Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Mubaligh, Sekolah Cina, Sekolah Persendirian dan Sekolah Tamil. Oleh itu, bayaran bantuan pendidikan bagi sekolah-sekolah ini akan diteruskan pada tahun 2021 dengan kos berjumlah RM14 juta iaitu melibatkan penambahan sebanyak RM2 juta berbanding tahun-tahun sebelum ini. Selain itu, bayaran bantuan kemasukan ke IPTA iaitu RM1,000 untuk pelajar yang mendapat tawaran IPT di Semenanjung dan RM1,200 untuk pelajar yang mendapat tawaran ke IPT di Sabah dan Sarawak serta RM300 untuk pelajar yang berjaya mendapat tawaran di politeknik akan diteruskan dengan peruntukan RM4 juta pada tahun 2021.

Usaha meningkatkan kemahiran *Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)* perlu dipergiatkan untuk menyediakan pelajar yang mampu berdaya saing di peringkat global. Kerajaan Negeri meneruskan *Penang Maths Platform (PMP)* di *Karpal Singh Penang Learning Centre* yang memberi fokus kepada pembelajaran Matematik. PMP bekerjasama dengan organisasi lain seperti PSDC. Tech Dome Penang dan @CAT untuk memupuk dan melibatkan penyertaan golongan muda yang berkemampuan tinggi untuk menggerakkan ekonomi digital dan Revolusi Industri 4.0 melalui penganjuran kelas matematik dan *robotic*.

Pada tahun ini juga, Kerajaan Negeri telah meluluskan pelaksanaan Program Makmal Pencipta (MakersLab) di sekolah-sekolah negeri Pulau Pinang bagi memupuk minat pelajar ke arah pendidikan sains dan mempromosikan Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan pendidikan STEM. Peruntukan sebanyak RM3.24 juta telah pun diperuntukkan dan telah mula dilaksanakan pada suku tahun ketiga tahun ini.

### **Memartabatkan Agama Islam Sebagai Agama Rasmi.**

Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri komited bagi memelihara dan memartabatkan Agama Islam sebagai Agama Rasmi. Sehubungan itu, sejumlah RM64.16 juta akan diperuntukkan untuk tujuan pembangunan, baik pulih, penyelenggaraan dan kelengkapan institusi keagamaan di Pulau Pinang. Pada tahun 2021, beberapa masjid akan dibina baharu atau dinaik taraf. Antaranya adalah Masjid Habib Almas di Tanjong Tokong, Masjid Sungai Nibong Besar di Bayan Baru, Masjid Permatang Bogak di Kepala Batas, Masjid Bandar Tasek Mutiara di Simpang Ampat dan Masjid Taman Pelangi di Juru.



Kerajaan Negeri turut memberi perhatian dalam pembangunan prasarana pendidikan agama. Pada tahun ini juga Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan bagi pembinaan baharu Sekolah Agama Rakyat Bertam Putra di Kepala Batas. Melalui kerjasama dengan pihak Kerajaan Persekutuan, Sekolah Agama Rakyat Saadah di Kuala Muda Penaga, Sekolah Agama Rakyat Saadatul Darain di Simpang Empat Permatang Buluh, Kepala Batas dan Kelas KAFA Masjid Kampung Sekolah Juru juga telah dibina dan dijangka siap pada tahun ini.

Kerajaan Negeri juga prihatin dengan perkembangan pendidikan di Sekolah-Sekolah Islam yang merangkumi Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Agama Rakyat, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Maahad Tahfiz, Tadika Islam serta pondok-pondok pengajian tradisional yang kini telah meningkat bilangan kepada 372 buah di seluruh negeri. Kerajaan Negeri akan meneruskan pemberian Bantuan Sekolah-Sekolah Agama Rakyat Negeri Pulau Pinang pada tahun 2021.

#### **PENGURUSAN BELANJAWAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN TAHUN 2021.**

Dato' Yang di-Pertua,

Belanjawan 2021 Negeri Pulau Pinang telah dirangka dengan penuh tanggungjawab agar intipati belanjawan memiliki keseimbangan antara elemen sosial dan ekonomi, serta mengambil kira kemampuan kewangan Negeri yang amat terhad. Selaras dengan itu, Rang Undang-Undang Perbekalan 2021 adalah untuk mendapat kuasa berkanun bagi membolehkan Kerajaan Negeri membuat Perbelanjaan Bekalan sebanyak RM875,511,229 untuk 20 jabatan bagi tahun 2021, seperti mana perincian di Risalah Bil. 4 Tahun 2020. Selain daripada itu, peruntukan sebanyak RM34,313,730 diperlukan untuk Perbelanjaan Tanggungan tiga (3) jabatan mengikut undang-undang di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Oleh itu, jumlah keseluruhan Perbelanjaan Mengurus yang dianggarkan pada tahun 2021 ialah RM909,824,959.00.

Bagi tahun 2021, Kerajaan Negeri menganggarkan hasil yang boleh dikutip berjumlah RM506,019,389 iaitu jangkaan jumlah hasil yang sedikit kurang berbanding dengan tahun semasa 2020 yang berjumlah RM519,162,400. Penurunan hasil ini adalah kerana sumber hasil Kerajaan Negeri yang terhad serta tiada punca hasil baru bagi tahun 2021. Komposisi hasil tahun 2021 terdiri daripada hasil cukai RM162.97 juta atau 32.21%, hasil bukan cukai RM250.91 juta atau 49.58% dan terimaan bukan hasil sebanyak RM92.13 juta atau 18.21%.

Cadangan bajet Pembangunan Negeri bagi tahun 2021 adalah berjumlah RM294,106,207 yang merupakan peningkatan sebanyak RM24.76 juta jika dibandingkan dengan jumlah Peruntukan Pembangunan sebanyak RM269,340,475 pada tahun 2020.

Jangkaan hasil Negeri tidak menunjukkan peningkatan, namun Kerajaan Negeri masih perlu mengekalkan perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Negeri setara dengan tahun 2020, supaya jentera pentadbiran Kerajaan Negeri dapat berfungsi dengan efektif dan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dirancang dapat diteruskan untuk mencapai agenda ekonomi negeri dengan matlamat keseluruhan mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Dengan mengambil kira jangkaan hasil negeri yang berjumlah RM506.02 juta dan Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM909.82 juta, maka menjadikan Belanjawan 2021 mengalami defisit sebanyak RM403.80 juta. Defisit ini adalah lebih tinggi berbanding dengan unjuran defisit 2020 yang berjumlah RM273.5 juta. Unjuran defisit berjumlah RM403.80 juta ini akan dibiayai daripada Simpanan Terkumpul Negeri yang berbaki sebanyak RM1.07 bilion pada akhir tahun 2018.

Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM909.82 juta bagi tahun 2021 adalah merangkumi perbelanjaan bagi Emolumen berjumlah RM188.22 juta, Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah RM183.37 juta, Aset berjumlah RM3.37 juta, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah RM532.05 dan Perbelanjaan-perbelanjaan Lain berjumlah RM2.82 juta. Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap kekal sebagai komponen terbesar mencakupi 58.48 peratus daripada perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri. Jumlah ini termasuk caruman ke Kumpulan Wang Pembangunan Negeri berjumlah RM200.00 juta, pemberian di bawah program bantuan sosial dan kesejahteraan rakyat yang dianggarkan berjumlah RM105.00 juta, bayaran kepada badan-badan berkanun, anak syarikat, persatuan dan agensi negeri berjumlah RM44.77 juta, bayaran pencen dan ganjaran berjumlah RM15.07 juta, tuntutan insuran dan pampasan sejumlah RM10.00 juta dan perbelanjaan bagi faedah, dividen dan kenaan bayaran hutang negeri berjumlah RM4.83 juta.

Selain itu, peruntukan bagi Objek-objek Am lain yang meningkat adalah untuk menampung perbelanjaan mengurus yang meningkat pada setiap tahun iaitu kenaikan gaji dan pelarasan emolumen, kos bekalan dan utiliti, kos sewaan, kos penyelenggaraan, pembaikan dan perkhidmatan lain-lain di jabatan kerajaan. Namun begitu, kenaikan perbelanjaan ini adalah pada tahap terkawal selaras dengan perbelanjaan berhemat yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri.

Anggaran Belanjawan Pembangunan Tahun 2021 yang dimohon kelulusan bagi sembilan (9) Jabatan Negeri adalah seperti tersenarai dalam Risalah Bilangan No. 4 Tahun 2020. Peruntukan Pembangunan telah disediakan dengan memberi keutamaan kepada projek-projek *people centric* dan peningkatan kemudahan-kemudahan awam untuk rakyat, serta keupayaan dan jabatan pelaksana untuk melaksanakan projek mengikut jadual yang ditetapkan.

Mengambil kira pendekatan ini, sebanyak tujuh (7) daripada sembilan (9) jabatan telah disediakan peruntukan pembangunan yang lebih tinggi berbanding tahun semasa iaitu Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan sebanyak RM77.54 juta berbanding dengan RM53.11 juta tahun ini, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam sebanyak RM18.61 juta berbanding RM11.09 juta tahun ini, Jabatan Pengairan dan Saliran sebanyak RM17.59 juta berbanding dengan RM17.53 juta tahun ini, Jabatan Pertanian sebanyak RM6.75 juta berbanding RM4.94 juta tahun ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebanyak RM3.52 juta berbanding RM2.98 juta, Jabatan Perhutanan RM2.22 juta berbanding RM2.06 juta dan Jabatan Taman Botani sebanyak RM1.22 juta berbanding RM1.15 juta pada tahun ini. Peningkatan yang ketara adalah pada Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan iaitu peningkatan sebanyak RM24.43 juta yang termasuk pembiayaan projek pembangunan sukan dan kawasan lapang berjumlah RM12.70 juta bagi Perbadanan Stadium dan Kawasan Tanah Lapang dan lain-lain projek pembangunan ekonomi.

Peruntukan pembangunan di bawah Jabatan Kewangan Negeri dan Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah menurun pada tahun 2021 berbanding tahun 2020. Peruntukan yang disediakan di bawah Jabatan Kewangan Negeri adalah berjumlah RM148.92 juta berbanding RM152.35 juta pada tahun 2020, manakala JKR diperuntukkan sebanyak RM17.73 juta bagi tahun 2021 berbanding RM24.13 juta pada tahun 2020. Penurunan peruntukan yang agak ketara bagi JKR adalah setelah mengambil kira peruntukan pemberian penyelenggaraan jalan negeri dari Kerajaan Persekutuan iaitu peruntukan MARRIS yang kini boleh digunakan bagi menampung kerja-kerja menaik taraf jalan negeri. Oleh yang demikian, pengurangan peruntukan pembangunan JKR tidak akan menjejaskan kerja-kerja naik taraf jalan yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri kerana kita boleh menggunakan peruntukan MARRIS daripada Kerajaan Persekutuan.

## **PENGHARGAAN KEPADA BARISAN PERKHIDMATAN DAN PENJAWAT AWAM**

Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Majlis Keselamatan Negara serta semua pasukan keselamatan, Polis Di-Raja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), RELA serta semua anggota perkhidmatan Persekutuan atas pengorbanan mereka sebagai petugas barisan, khidmat dan sokongan mereka untuk mengekang penularan wabak COVID-19 serta membantu memastikan kestabilan, keamanan dan ketenteraman awam.

Tidak lupa juga sekalung tahniah atas segala jasa dan pengorbanan barisan penjawat awam selaku tulang belakang Kerajaan Negeri kepada segala perancangan, pelaksanaan dasar dan pembangunan negeri. Penjawat awam merupakan jentera pelaksana kerajaan

tanpa mereka pincanglah urus tadbir negeri. Pencapaian-pencapaian gemilang yang telah kita kecapai sehingga kini tidak akan dapat diperolehi tanpa komitmen dan sokongan yang jitu daripada mereka.

Dengan pengiktirafan tersebut, sukacita saya umumkan sebagai tanda penghargaan kepada sokongan padu yang diberikan oleh semua penjawat awam Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri bersetuju meluluskan bayaran Bantuan Khas Kewangan akhir tahun 2020, Kerajaan Negeri bersetuju meluluskan bayaran Bantuan Khas Kewangan akhir tahun bersamaan dengan setengah bulan gaji penjawat awam atau minimum RM1,000.00. Adalah diharapkan bayaran Bantuan Khas Kewangan ini akan meningkatkan semangat untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang lagi di tahun-tahun akan datang. Bagi tujuan pembayaran setengah bulan gaji tersebut yang melibatkan keseluruhan 4,009 penjawat awam, implikasi kewangan yang terlibat berjumlah RM5.5 juta. Kesemua bayaran Bantuan Khas kewangan ini akan dibayar pada bulan Disember ini.

Di samping itu, pemberian sebanyak RM300.00 seorang juga akan disalurkan kepada 1,587 Penyelia dan Guru KAFA, 343 Guru Sekolah Rendah Agama Rakyat, 263 Guru Sekolah Menengah Agama Rakyat serta 590 Guru dan Staf Sekolah Persendirian Cina manakala pemberian RM200.00 seorang akan dibayar pada Disember 2020 kepada seramai 320 Guru Tahfiz, Guru Pondok dan Guru TADIS Negeri Pulau Pinang yang akan melibatkan tambahan perbelanjaan berjumlah RM898,900.00.

Pada kesempatan ini, saya dan seluruh kepimpinan Kerajaan Negeri ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas atas kepercayaan dan sokongan yang telah diberikan sepanjang pemerintahan ini. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil peluang ini untuk memperkenalkan Pegawai Kewangan Negeri yang baharu, YB. Dato' Dr. Mohamad Farazi bin Johari yang menggantikan YBhg. Dato' Sarul Bahiyah binti Haji Abu yang telah bertukar ke Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 14 September 2020. Semoga gandingan YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri dan seluruh jentera pentadbiran negeri terus diperkukuhkan dalam menjayakan dasar-dasar Kerajaan dan memberi perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat Negeri Pulau Pinang.

## **PENUTUP**

Dato' Yang di-Pertua, mentari selepas hujan, walaupun bahangnya tidak terasa, sinarnya masih terang bersuluh. Mengambil pedoman daripada madah ini, Kerajaan Negeri akan terus mengekalkan Pulau Pinang sebagai mutiara yang tidak luntur kilauannya. Dalam usaha Kerajaan Negeri untuk merangka semula pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang, saya menyeru supaya semua lapisan masyarakat dapat berganding bahu serta memberi sokongan padu kepada barisan anggota pentadbiran Kerajaan Negeri untuk memuilhkan serta

melonjakkan ketahanan ekonomi negeri ke arah pencapaian Visi Penang2030. Pulau Pinang pasti akan bangkit, meniti dimensi baharu yang lebih gemilang dan megah berdiri di pentas transformasi global berbekalkan tekad, komitmen dan sinergi yang kukuh.

Sekian, YB. Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sila.

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Setiausaha Dewan:**

Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2021 daripada YAB Ketua Menteri.

**YAB. Ketua Menteri:**

Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak RM294,106,177.00 yang tertera di dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2021 yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Bilangan 4 Tahun 2020 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan dalam anggaran pembangunan tahun 2021 itu.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila untuk sokongan.

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

YB. Yang di-Pertua Dewan, saya mohon menyokong.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat untuk perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2021 dan juga Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2021, kita akan bermula pada esok, 13 Oktober 2020, jam 9.30 pagi.

Cuma untuk makluman rakan-rakan Yang berhomat memandangkan kita masih dalam RMCO, ingin saya memaklumkan kepada semua sesi perbahasan kali ini peruntukan masa adalah 20 minit semaksimum untuk setiap Yang Berhormat supaya kita dapat mengelakkan bermesyuarat pada sesi malam. Jikalau boleh semua mematuhi had masa perbahasan nanti.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan.

***Dewan ditangguhkan pada jam 1.05 tengah hari.***